


Jilid I
Bil. 12



Hari Rabu
16hb April, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1117]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian [Ruangan 1148]

Rang Undang-undang Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Gajaran Persaraan) (Pindaan) [Ruangan 1172]

Rang Undang-undang Kemajuan Petroliam (Pindaan) [Ruangan 1173]

UCAPAN TANGGUHAN:

Pertanian Moden bagi Wanita-wanita [Ruangan 1196]

MALAYSIA
PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 16hb April, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).

- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI DATUK LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

- „ TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KEBAKARAN—TINDAKAN
MENCEGAH

1. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan apakah rancangan dan tindakan yang lebih berkesan akan diambil untuk mencegah kebakaran di negara ini yang kian tahun kian menjadi-jadi, terutama dalam kawasan-kawasan bandar.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, rancangan dan tindakan yang akan memberi lebih berkesan telahpun diambil untuk mencegah kebakaran yang kian tahun kian menjadi-jadi terutamanya dalam kawasan bandar, dengan mengadakan Akta dan Peraturan yang mana telahpun diluluskan oleh Parlimen di persidangannya yang lalu bagi meminda Ordinan Perbandaran dan Enakmen Lembaga Bandaran di segi pencegahan kebakaran. Dengan adanya peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan, semua kerosakan akibat dari kebakaran dapat dikawal dengan rapi.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapatkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa alat-alat jentera bomba yang ada di Ibu Kota ini tidak memadai memandangkan kepada banyaknya bangunan-bangunan yang tinggi yang ada dalam Ibu Kota kita?

Datuk Ong Kee Hui: Berkenaan dengan bangunan-bangunan yang tinggi, alat-alat yang ada sekarang boleh mencegah api yang terjadi dan pada amnya bangunan-bangunan tinggi yang semacam itu bukan berharap kepada jentera-jentera yang mencegah api, sebab dalam bangunannya ada peruntukan dan bekalan untuk mencegah api.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya

rasa alat-alat untuk mencegah dan juga menolong orang-orang keluar jika kebakaran, terutama sekali di bangunan yang tingkat-tingkat tinggi, itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi. Saya harap dapat pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri, sebab bangunan kita masih meningkat tinggi, tetapi alat-alat mungkin kekurangan pada masa ini, iaitu alat-alat jentera untuk memadam api dan juga menolong dalam masa kecemasan untuk membawa orang keluar daripada tempat-tempat tadi.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun ditimbang dengan teliti oleh Perkhidmatan Bomba dan apa yang diperlukan ialah tiap-tiap bangunan yang tinggi seperti itu mesti ada satu sistem yang dinamakan "Sprinkler System" yang automatik dalam bangunan itu. Sistem itu mesti dapat mengawal api itu. Di luar daripada itu di dalam tiap-tiap bangunan itu ada juga alat-alat untuk mencegah api itu. Di lain-lain negeri yang ada bangunan seperti itu bekalan semacam itu telah dibekalkan. Kita ambil contoh daripada negara-negara yang lain.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jinjang dahulu sebelum masuk dalam Wilayah Persekutuan ada kereta bomba di sana untuk menjaga kawasan Kepong, Batu dan Jinjang. Apabila masuk Wilayah Persekutuan kereta itu ditarik balik. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar berkenaan penarikan itu dan adakah hendak dihantar balik kereta bomba ke Jinjang?

Datuk Ong Kee Hui: Perkara ini Kementerian saya sedar dan alat-alat baharu telah dipesan untuk mengawasi kebakaran di kawasan yang baru masuk dalam Dewan Bandaraya.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab pegawai-pegawai bomba sangat berkurangan, tidakkah elok sekiranya jikalau Kerajaan menggalakkan orang awam bekerja sebagai sukarela (voluntary corps) untuk menolong pegawai-pegawai bomba di bandar-bandar?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, itu satu cadangan yang baik sekali dan saya akan ambil perhatian.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, uan Yang di-Pertua. Tadi saya mendengar iaitu untuk mencegah kebakaran api ada dua macam:

- (i) rumah jangan terbakar dan dapat menolong supaya jangan terbakar rumah-rumah yang bertingkat-tingkat yang mencakar langit;
- (ii) untuk menolong supaya orang-orang yang dalam bangunan itu jangan mati sepertimana ramai orang-orang mati di hotel-hotel di Seoul.

Di dalam bangunan-bangunan baharu yang mencakar langit ini, adakah Kerajaan ataupun Kementerian Yang Berhormat Menteri, bukan sahaja orang mati kerana api, tetapi orang mati juga kerana asap? Sebab bangunan-bangunan pada hari ini bertutup dengan gelas sahaja, jadi asap tidak dapat keluar. Bagaimanakah Yang Berhormat Menteri akan dapat mengeluarkan asap ini supaya dapat dikeluarkan daripada bangunan yang begini, dapat orang lari dan menyelamatkan diri?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini, telah ditimbang oleh satu Jawatankuasa dan di dalam undang-undang kecil yang akan dibuat, asap-asap yang datang dari kebakaran di tiap-tiap bilik dalam bangunan tinggi boleh diasingkan (isolated), jadi tidak melibatkan ke lain tempat. Ini satu cara yang telah dimasukkan di dalam undang-undang kecil yang tidak lama lagi akan dijalankan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian yang berkenaan menyiasat dengan teliti atau sehalus-halusnya kebakaran api selalu terjadi dalam negeri ini. Adakah kebakaran itu terjadi oleh kerana short circuit, wiring system yang tidak memuaskan?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kebakaran mesti disiasat dengan teliti, bukan oleh Kementerian saya tetapi oleh pihak Polis juga sebab ini satu perkara yang boleh timbul daripada sabotaj atau lain-lain perkara. Jadi tiap-tiap kebakaran mesti disiasat dengan telitinya.

PENCEGAHAN KEKOTORAN AIR/UDARA

2. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan untuk melaksanakan Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974; terutama sekali mengenai pencegahan kekotoran air dan udara di negeri ini.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sungguhpun Akta Kualiti Alam Sekitar telah diluluskan menjadi sebuah undang-undang pada awal tahun 1974, tetapi tanggungjawab untuk mentadbir Akta tersebut telah diberi kepada Kementerian ini pada bulan September, 1974. Sungguhpun demikian kerja-kerja awal seperti menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu bagi mengkaji masalah-masalah alam sekitar (yang dahulunya telah juga dijalankan oleh Bahagian Perancang Am, Jabatan Perdana Menteri) telah dikendalikan oleh Kementerian saya. Di samping itu, usaha-usaha telah ditumpukan ke arah mewujudkan sebuah Bahagian Alam Sekitar, dan adalah diharapkan bahawa Bahagian baru ini akan mempunyai kakitangan-kakitangan yang mencukupi pada akhir tahun ini.

Di dalam usaha untuk mentadbirkan Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 Kementerian saya juga bercadang bagi mengadakan suatu rancangan yang komprehensif bertujuan untuk menentukan pengurusan alam sekitar yang lebih berkesan serta pengawalan yang menyeluruh ke atas pelepasan ke udara dan ke dalam air. Untuk tujuan ini, kajian-kajian latar (baseline studies) dan begitu juga standard-standard pelepasan dan "ambient" akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Memang kajian-kajian telah dibuat, tetapi pada praktiknya tidak memuaskan, sebab ada sebuah kilang simin di Rawang yang saya tahu, iaitu C.T.M. di Batu Tiga, Shah Alam, apabila orang mengadu (complaint) oleh kerana habis rumah-rumah orang di kawasan itu penuh dengan habuk simin dan asapnya pun simin dan kilang simin di Batu Tiga, Shah Alam itu mengeluarkan debu yang menyebabkan kolej I.T.M. pun tak nampak langsung tetapi

apabila kita komplek, Menteri datang, asap itu tak nampak lagi dan Menteri pun nanti mengatakan tak ada apa-apa, bagus. Saya sudah mengadu kepada Menteri fasal kilang simin di Rawang dan telah pergi bersama-sama dengan Menteri pada hari itu didapati asap kilang itu keluar sedikit-sedikit sahaja. Soalan saya ialah bagaimana Menteri hendak tahu yang asap ini beracun atau tidak oleh kerana bila Menteri datang tak ada asapnya, itu saya hendak tahu.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, bila bahagian ini mencukupi kakitangan-kakitangannya Kementerian saya akan menempatkan monitoring system supaya tiap-tiap hari, tiap-tiap masa kita dapat jagakan pencemaran daripada tiap-tiap kilang atau gudang-gudang itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar satu berita bahawa baru-baru ini satu pasukan yang disebut Asian Refresh Team datang ke Malaysia, terutama di Kuala Lumpur membuat kajian berkenaan dengan kekotoran alam ini. Kalau benar ketibaan itu adakah dengan panggilan Kerajaan, dan jika Kerajaan memanggil team itu ke sini adakah Kerajaan bersetuju hendak melaksanakan syor-syor yang dikemukakan oleh team itu, iaitu findings yang mereka itu dapati bahawa sampah-sampah dan kekotoran yang ada di dalam bandar ini boleh diubah, diproses menjadi baja-baja dan boleh jadi makanan ayam dan makanan ternakan. Saya dapat tahu berita ini dalam minggu ini adakah benda ini benar dan apa kaitannya dengan Kerajaan?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, bukan satu team sahaja, banyak pakar-pakar telah datang ke negara kita di sini. Ada maksud pakar-pakar ini untuk menjual alat-alatnya sendiri dan ada juga pakar-pakar itu datang daripada badan-badan tertentu sedunia yang mengesyorkan kepada Kerajaan bagaimana kita dapat mencegah pencemaran alam sekitar kita. Semua syor-syor yang diberi oleh mereka, baik mereka yang hendak menjual alat-alat itu atau pakar-pakar yang sebenarnya hendak menolong kita, kita timbang dengan teliti, kita tak tolak sebab ini boleh dikatakan satu sains yang baru dan kita masih belajar. Jadi apa buah fikiran yang datang daripada luar negeri yang kita boleh pakai kita simpan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Jadi setakat ini tidak ada apa lagi yang dibuat oleh pihak Kerajaan berkenaan dengan syor itu, disimpan sahaja?

Datuk Ong Kee Hui: Bukan simpan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kita mengkaji supaya dapat kita gunakan itu atau tidak.

LONGKANG/SAMPAH TERBIAR— PEMAJU PERUMAHAN

3. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar, bahawa ada beberapa projek perumahan yang longkang-longkang dan sampah-sampahnya terbiar setelah penduduk-penduduk masuk tinggal di situ, dan adakah Kerajaan berhajat menggubal Undang-undang baru dalam mana pihak pemaaju perumahan dikehendaki mengurus pembuangan sampah dan pembersihan longkang-longkang sekurang-kurangnya setahun setelah kawasan itu diduduki.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidaklah sedar bahawa ada beberapa projek perumahan dalam kawasan-kawasan Penguasa Tempatan yang longkang-longkang dan sampah-sampah terbiar sahaja setelah penduduk-penduduk masuk tinggal di rumah-rumah itu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum, di dalam kawasan Penguasa-penguasa Tempatan sebelum rumah-rumah dibenar diduduki, satu sijil kelayakan hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu oleh Penguasa-penguasa Tempatan berkenaan, dan sijil kelayakan itu hanya dikeluarkan oleh Penguasa Tempatan itu setelah berpuashati bahawa rumah-rumah itu telah siap dibina mengikut pelan dan semua longkang-longkang dan sampah sarap yang ada dalam kawasan perumahan itu telah dibersihkan terlebih dahulu. Mungkin kawasan perumahan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu terletak di luar sesuatu Penguasa Tempatan. Jika demikian ini tidaklah di bawah bidangkuasa Kementerian saya. Mungkin perkara ini ada hubungan dengan Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru yang mengawal pembangunan perumahan, dan saya syorkan Ahli Yang Berhormat itu merujuk pertanyaan-pertanyaannya kepada Kementerian tersebut dengan keterangan-keterangan yang jelas.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya berkenaan dengan longkang-longkang. Sebelum satu-satu projek perumahan dijalankan, oleh kerana didapati dalam negeri kita ini bukan projek ini baru tetapi sudah lama, dijangka kita dapat belajar daripada apa yang kita nampak iaitu hujan sekejap, bah datang. Jadi adakah Kementerian yang berkenaan memerhatikan supaya longkang-longkang besar dibuat; sebelum perumahan dibuat mestilah ditentukan berapa longkang-longkang besar mesti mengalir ke sungai supaya jangan bah berlaku seperti yang ada di Kuantan. Jadi, adakah pada hari yang akan datang Kementerian yang berkenaan akan menentukan supaya perumahan-perumahan yang hendak dibuat di negeri ini mestilah mempunyai longkang-longkang yang besar supaya jalan air itu dapat disalurkan dengan sempurna.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa mengkaji perkara ini, sebab pada satu masa bila pelan pada satu tapak perumahan yang dikemukakan kepada Penguasa Tempatan, baik Dewan Bandaraya atau lain, pada masa itu memang longkang-longkangnya cukup besar. Tetapi apabila tempat itu diluaskan lagi, ditambahkan, longkang itu telah menjadi tidak cukup untuk mengawal air yang datang. Maka oleh kerana itulah kami sentiasa mesti membuat kajian baru supaya longkang-longkang itu dibesarkan lagi.

KAPAL HILIR-MUDEK DI SELAT MELAKA

4. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) jumlah kapal hilir mudek di Selat Melaka pada tiap-tiap tahun semenjak Merdeka hingga akhir tahun 1974;
- (b) nyatakan berat muatannya serta nama negeri yang mempunyei kapal yang melaluinya itu;
- (c) hingga setakat ini sudahkah dikuatkuasakan Undang-undang tempatan yang digubal di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar, untuk menyekat kekotoran di laut, sekiranya belum nyatakan sebab-sebabnya;
- (d) di bawah kuatkuasa Undang-undang itu tidakkah boleh dikenakan tol ke atas kapal-kapal yang melalui Selat ini

dan hasil kutipan wang itu digunakan untuk menyelenggarakan kebersihan laut dan ini akan memberi faedah kepada kapal-kapal antarabangsa serta memberi kebajikan kepada rakyat dari tiga negara.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

(a)		<i>Jumlah Kapal</i>	
<i>Tahun</i>			
1970	8,746
1971	15,496
1972	14,275
1973	16,232
1974	13,337
JUMLAH		...	68,086

Jumlah kapal hilir-mudek di Selat Melaka dari tahun 1957 hingga 1969 telah tidak dicatatkan. Catitan dari tahun 1970 hingga 1974 telah dibuat oleh Rumah Api One Fathom Bank.

- (b) Berat muatan dan negeri yang mempunyai kapal yang melalui Selat Melaka bagaimana tersebut di perenggan (a) di atas telah tidak direkodkan oleh sebab kapal-kapal ini menggunakan perairan antarabangsa.
- (c) Jawapan kepada soalan (c) telah dihuraikan dengan sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar pada soalan yang kedua yang dikemukakan oleh Senator Datuk Syed Kechik tadi.
- (d) Cadangan penggunaan tol ke atas kapal-kapal yang melalui Selat ini melibatkan masalah antarabangsa yang lebih luas, dan oleh hal demikian saya rasa kurang tepat untuk berbincang mengenai perkara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam masaah soalan (d) yang saya kemukakan ini iaitu adakah Kerajaan sedar bahawa kuasa-kuasa besar seperti Amerika, Jepun dan Russia tidak memperindahkan tuntutan Malaysia dan Indonesia waktu kapal-kapal mereka lalu di kawasan Selat Melaka dan dengan itu berbagai-bagai kerumitan yang dialami di kawasan itu. Apakah langkah Kerajaan

untuk mengatasi masalah ini, adakah telah diberitahu kepada Kerajaan-kerajaan yang saya sebutkan itu?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Kerajaan Malaysia telah memberitahu kepada dunia antarabangsa bahawa lalu-lintas secara innocent adalah dibenarkan kepada semua kapal untuk melalui Selat Melaka. Cuma perkara yang berbangkit pada masa yang akhir ini ialah soal kapal-kapal besar yang muatannya lebih daripada 200,000 tan terutama kapal Tanker, yang jika tidak dikawal, akan mengendalakan atau memberi bencana kepada lalulintas di Selat Melaka itu, dan perkara ini sedang dalam perundingan antara Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar mengikut suratkhabar yang mengatakan tuntutan Kerajaan ke atas syarikat yang mempunyai Showa Maru dan berapa banyakkah tuntutan itu, adakah dibuat oleh Kerajaan tentang tuntutan itu?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Ada.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kepada angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu angka-angka hanya pada tahun 1970 sehingga tahun 1974 dan tidak mempunyai angka-angka daripada tahun 1957 hingga tahun 1969. Adakah ini disebabkan oleh kerana kita telah meminda peraturan kita iaitu tuntutan perairan kita sekarang ini telah dipanjangkan kepada 12 batu dan pada masa itu kita mula mengira kapal-kapal yang lalu di kawasan kita?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, di Selat Melaka itu ada tempat-tempat perairannya yang besar dan ada yang kecil. Jadi Malaysia dan Indonesia menuntut supaya perairan (territorial waters) itu jadi 12 batu. Kalau 12 batu, maknanya 12 batu di sana dan 12 batu di sini jadi 24 batu. Saya hendak tahu di manakah tempat yang kecil sekali di antara Malaysia dan Indonesia.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

JALAN KUALA KRAI KE LEMBAH LEBER

5. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilakah jalan dari Kuala Krai ke Bukit Hantu, Ulu Kelantan yang menyambungkan ke kawasan Lembah Leber itu akan dibina supaya rakyat Negeri Kelantan dapat menyertai Rancangan Pembukaan Tanah di kawasan Lembah Leber.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, satu kajian Perancangan dan Pembangunan Negeri Kelantan yang dijalankan oleh Jurutera Perunding pada tahun 1973 telah mengesyorkan sebagai keutamaan pembinaan jalan yang menyambungkan Kuala Krai ke kawasan Pembukaan Tanah di Kawasan Lembah Leber dan ke Gua Musang iaitu sepanjang 67.5 batu.

Kementerian ini telahpun menyediakan rujuk penentuan (terms of reference) untuk reka-bentuk kejuruteraan bagi jalan yang tersebut dan pakar-pakar perundingan akan dilantik untuk menjalankan tugas ini tidak berapa lama lagi.

Jalan dari Kawasan Pembukaan Tanah ke Bukit Hantu yang mana diberi keutamaan kedua oleh Pakar Perunding tersebut juga akan dikaji.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kajian ini bila selesai dan peraksanaannya akan dimulakan?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab-sebab saya telah nyatakan tadi, saya dukacita tidak dapat beritahu bila setakat ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun tidak ada kaitan dengan soalan ini, tetapi masalah ini ada kaitan dalam Negeri Kelantan. Adakah Kementerian ini sedar betapa buruk dan rosaknya jalanraya daripada Rantau Panjang ke Golok yang sangat diperlukan oleh rakyat di situ dan

juga pelancung-pelancungnya, adakah Kerajaan akan membaiki jalan yang saya katakan itu?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya tidak salah kalau saya katakan Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian tentang jalanraya sepanjang Semenanjung Malaysia, termasuk jalan yang berdekatan dengan Golok, tetapi jika saya hendak membuat satu jawapan yang bagus dan yang bermakna saya hendakkan notis.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Adakah Kementerian ini sedar bahawa dengan tidak dapat ketentuan pembinaan jalanraya ini menyebabkan rancangan pembukaan tanah di Lembah Leber itu juga tidak tentu masanya akan dapat dibuka.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak semestinya bermakna begitu, tetapi Kementerian saya mengambil berat tentang kemajuan dalam New Settlement itu ataupun New Growth Centre yang ada di situ dan kita akan sedaya-upaya menjalankan tugas dengan memuaskan seberapa yang boleh.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Bolehkah Kementerian ini bersetuju bahawa tidak ada jalanraya itu boleh peneroka-peneroka masuk ke dalam pendalaman hutan yang tidak ada jalanraya samada dengan helicopter ataupun dengan apa sahaja jalan lain?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Saya minta ulangkan soalan itu sekali lagi.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak adanya jalan, pembukaan tanah di kawasan pendalaman seperti itu bolehkah dimulai dan dibawa masuk peneroka-penerokanya melalui lain-lain cara selain daripada jalanraya?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jalan lain ada juga seperti menaiki helicopter, tetapi kosnya akan terlampau banyak dan tidak praktik.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Sekiranya Kementerian ini berasa tidak praktik membawa helicopter

pemindahan peneroka-peneroka oleh kerana kosnya tinggi, adakah Kementerian ini bersedia untuk menerima tawaran daripada private sector menyediakan helicopter-helicopter yang murah kosnya?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tambahan itu telah jauh daripada soalan asal, akan tetapi saya percaya kos helicopter daripada swasta pun akan tinggi juga dan saya percaya tidak akan praktik juga.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau helicopter private ataupun helicopter Kerajaan mahal, tidakkah ada prioriti sebabnya dalam pembangunan-pembangunan luar bandar ini maka Kerajaan memberi keistimewaan untuk membuat jalan ke rancangan-rancangan sepatutnya pihak Kementerian ini mesti membina jalan ini diutamakan daripada jalan yang besar. Saya tenguk jalan daripada Subang Airport sudahpun ada, tetapi ditaruh tar lagi, jadi diutamakan itu daripada rakyat yang berkehendakkan tebang hutan, tanam kelapa sawit dan tanam getah. Adakah prioriti dan bila prioriti akan diberikan kepada rancangan ini?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu prioriti itu bergantung kepada satu-satu tempat yang akan dimajukan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada sebab-sebab yang menjadi prioriti telah direndahkan kalau dibandingkan dengan tempat-tempat yang lain jika dipandang dari segi New Settlement ini.

MANGSA-MANGSA BANJIR— BANTUAN

6. Cik Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Malaysia dalam tahun 1973 dan 1974 kerana:

- (a) kematian;
- (b) kehilangan rumahtangga;
- (c) kehilangan ternakan dan harta-benda yang lain; dan
- (d) kerosakan sawah padi.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod-rekod yang ada jumlah bantuan yang telah dibelanjakan untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Semenanjung Malaysia pada tahun 1973 dan 1974 ialah \$259,332.35. Pecahan perbelanjaannya adalah seperti berikut:

(a) mengenai orang-orang yang telah mengalami kematian;	\$ 1,500.00
(b) mengenai kehilangan rumahtangga yang lain;	\$ 14,530.35
(c) mengenai ternakan dan harta-benda yang lain; dan	\$ 14,530.35
(d) mengenai kerosakan sawah padi	\$157,732.00

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyak bantuan-bantuan yang telah diberi kepada Negeri Trengganu dan mengapa daerah kami di Ulu Trengganu tidak menerimanya?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menerangkan, Negeri Trengganu ada menerima, kalau hendak jumlah yang tepatnya saya minta notis.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kehilangan rumahtangga, kalau tidak salah saya lepas daripada banjir, Kerajaan telah mengarahkan supaya orang-orang berpindah kepada satu tempat yang selamat, dibuat satu kawasan yang baharu. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sekarang ini pemindahan itu ataupun pembinaan rumah di kawasan yang baharu itu, terutama di Pahang telah terbengkalai?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, tetapi masalah pemindahan mangsa-mangsa banjir ini adalah juga tanggungjawab, bersama Kerajaan Negeri, terutama dari segi hendak mengadakan tanah dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, apakah bantuan yang diberi kalau kehilangan rumah, adakah diberi

dengan rumah ataupun dengan wang, dan juga kehilangan ternakan kerbau yang mati diganti dengan kerbau.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memberi wang ini bukan sebagai ganti-rugi tetapi adalah membantu untuk memulihkan mereka ini dapat lega sedikit ketika dalam kesusahan. Jadi, bantuan-bantuan diberi itu tidaklah maknanya roboh rumah sebuah, Kementerian saya tegakkan lagi rumah sebuah, tetapi diberi mereka sejumlah wang yang dikira agak-agak boleh mereka lega sedikit. Jadi pemulihan mangsa-mangsa banjir ini adalah juga tanggungjawab Kerajaan Negeri seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bantuan-bantuan yang diberi ketika memindahkan mangsa-mangsa banjir ini, adakah Kementerian ini akan mengubah caranya iaitu ketika memindahkan itu patutnya kita pakai sampan ataupun motobot, tetapi di Trans-Perak pada tahun 1973—Menteri Besarnya pun ada di sini—dipakai bulldozer dan traktor. Kononnya, orang-orang yang di atas bulldozer dan traktor kalau dia masuk dalam tempat yang semacam itu dia tidak boleh berjalan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan cerita orang, saya sendiri diberi peluang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada masa itu menjadi Menteri Besar Perak, melawat Trans-Perak. Jadi ini cara pemindahannya. Adakah ini satu modernisation dalam memindahkan orang (*Ketawa*).

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Pemindahan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya sendiri tidak sedar adanya pihak yang membuatnya. Tetapi pihak Kementerian saya tidak ada menjalankan pemindahan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kementerian berkenaan menerangkan kerosakan sawah padi, bezanya di antara akibat banjir, dengan akibat air yang tidak dapat didrainagekan oleh sesuatu rancangan perairan seperti pengairan Kemubu, Muda

dan Lemal yang mana kerana kurang atau terlampau banyak air daripada sesuatu saluran itu dan saluran pengeluaran air (outlet) tidak cukup, menyebabkan padi di sawah itu rosak. Adakah ini juga dimasukkan di bawah sekim bantuan banjir tadi.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat jika dikemukakan pertanyaan itu secara khas.

TANAH UNTUK PEKERJA BERSARA

7. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan akan mengadakan undang-undang memerlukan semua tuan-punya-tuan-punya ladang memberikan tanah kepada pekerja-pekerja mereka apabila mereka bersara setelah berkhidmat dengan taat setia sebagai tapak rumah dan untuk bercucuk tanam.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Undang-undang memerlukan semua tuan-tuan punya ladang memberi tanah-tanah kepada pekerja mereka apabila mereka bersara sebagai tapak rumah dan bercucuk-tanam. Akta Perumahan Pekerja Piawai Minima, 1966 telahpun menyediakan peruntukan bahawa majikan-majikan ladang adalah dikehendaki mengadakan perumahan dan juga tanah untuk bercucuk-tanam kepada pekerjanya. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan telah ada menubuhkan sebuah pasukan petugas (task force) yang terdiri dari anggota-anggota daripada beberapa Kementerian seperti Kementerian Buruh, Perumahan, Kewangan dan juga pihak majikan untuk mengkaji masalah perumahan pekerja-pekerja ladang untuk membolehkan pekerja-pekerja ladang memiliki rumahnya sendiri semasa bekerja dan terus memiliki sesudah bersara. Kajian-kajian atas perkara itu telahpun disiapkan dan sedang menunggu perlaksanaannya untuk dimulakan. Adapun berkaitan dengan tanah untuk bercucuk-tanam, pekerja-pekerja yang bersara bolehlah memohon untuk dipertimbangkan oleh mana-mana pihak berkuasa di atas tanah-tanah itu.

YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH

8. Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak tertubuhnya Yayasan Dakwah Islam, apakah kegiatan yang dapat diusahakannya. Dan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai;
- (b) apakah Rancangan yang akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun yang akan datang ini lebih-lebih lagi setelah mendapat bantuan kewangan dari Negara-negara Arab; dan
- (c) berapa banyakkah bantuan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia dan lain-lain Negara Islam di Asia Barat atau yang sedang dijanjikan kepada Badan Dakwah ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Dakwah Islamiah hanya telah ditubuhkan setahun yang lalu. Yayasan ini telah berjaya mengadakan satu perjumpaan, iaitu yang pertama sepertinya di negara ini, dengan 36 buah pertubuhan-pertubuhan Dakwah Islam dan juga wakil-wakil Jabatan Majlis Islam Negeri-negeri di Malaysia ini.

Tujuan perjumpaan tersebut ialah:

- (i) untuk mengenalkan Yayasan dari segi tugas dan peranannya dalam Dakwah Islamiah kepada semua Pertubuhan-pertubuhan Dakwah dan untuk menyelaraskan usaha-usaha Dakwah yang dijalankan oleh semua Pertubuhan-pertubuhan Dakwah.
- (ii) untuk mencari titik persamaan dan mengikuti cara berdakwah yang sesuai dengan ajaran Islam dalam aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan Dakwah dan sama-sama membincangkan masalah-masalah yang dihadapi serta mencari jalan untuk mengatasinya.

Rancangan yang akan dilaksanakan oleh Yayasan dalam masa lima tahun akan datang terbahagi kepada dua, iaitu rancangan jangka pendek dan rancangan jangka panjang.

Rancangan-rancangan jangka pendek yang sudahpun dijalankan ialah memberi bantuan-bantuan kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan Dakwah yang menjalankan kursus Dakwah di Semenanjung Malaysia.

Keduanya, ialah mengadakan syarahan-syarahan agama, simposium, forum dan seminar untuk menambah dan memesatkan lagi usaha-usaha dan kegiatan badan-badan Dakwah Islamiah di Malaysia supaya benar-benar memainkan peranan yang positif dan efektif.

Rancangan jangka panjang pula melibatkan projek-projek kebajikan yang memerlukan perbelanjaan yang besar. Antara projek-projek tersebut ialah Tadika Islam, Asrama, Rumah Orang Tua, Rumah Anak Yatim, Hospital Islam dan Perpustakaan Islam. Pelaksanaan projek-projek ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan Yayasan Dakwah Islamiah.

Sejak tertubuhnya Yayasan Dakwah Islamiah telah menerima sumbangan-sumbangan wang seperti berikut:

- (i) Kerajaan Malaysia—\$200,000
- (ii) Putera Mahkota Abu Dhabi—£20,000 (M\$110,859.44).

Hasil daripada lawatan Y.A.B. Tun Perdana Menteri ke Negara-negara Teluk (The Gulf States) baru-baru ini, Kerajaan Arab Emirate Bersatu telah berjanji akan menderma kepada Yayasan sebanyak £50,000 sterling atau tukaran hari ini (M\$260,000) dan Kerajaan Arab Saudi juga telah bersetuju untuk memberi sumbangan tetapi jumlahnya belum ditentukan lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedia memberi kemudahan yang berupa wang atau mata benda sekiranya diminta oleh Yayasan Dakwah ini untuk membantu 10,000 orang Islam pelarian di Khmer, sebagaimana keadaan yang ada sekarang?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, permintaan serupa itu belum dibuat lagi. Dan hari ini, barangkali Yang Berhormat sudah membaca surat khabar bahawa badan-badan sukarela telah-pun menyambut baik seruan Kerajaan untuk menolong Orang-orang Pelarian Islam yang disebutkan, termasuk PERKIM, dan termasuk juga yang bercakap di dalam surat khabar ini, iaitu Yang di-Pertua Dakwah Islamiah ini.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yayasan Dakwah Islamiah, Jabatan

Perdana Menteri ini mendapat wang yang mencukupi daripada Perbendaharaan Malaysia untuk menjalankan kegiatan penerbitan risalah-risalah kecil mengenai Islam ke dalam Bahasa-bahasa Malaysia, Inggeris, China dan Tamil?

Kedua memandangkan iklan memainkan peranan yang begitu penting di negara kita hari ini, maka saya ingin tahu, adakah pihak Yayasan Dakwah ini ingin membuat iklan secara besar-besaran dengan tegas menyatakan bahawa judi, arak, perzinaan itu adalah haram di sisi masyarakat Islam demi kebaikan Islam?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, pada pendapat dan pengetahuan saya wang itu mencukupi. Kerajaan Malaysia telahpun memberi sebanyak \$200,000 dan sepanjang saya tahu wang ini masih belum dibelanjakan lagi oleh kerana rancangan-rancangan belum lagi siap seperti yang sepatutnya.

Berkenaan dengan iklan, judi, zina dan minum arak itu sebagai makhluk Tuhan kita orang Islam semua sudah tahu yang berzina itu berdosa, tetapi ada juga yang melakukannya. Benar minum arak berdosa, judi berdosa. Cadangan hendak mengiklankan perkara dosa itu akan dikaji dan diambil perhatian.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang semua makhluk Tuhan mengerti dan faham ini adalah haram di sisi undang-undang Islam. Maksud saya ini ialah kalau yang lain kita membuatkan iklan untuk menarik perhatian masyarakat seluruhnya, alangkah baik kita buat iklan demikian dan dengan memberi ingatan demikian orang akan sedar dari masa ke semasa.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil perhatian atas cadangan itu.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa satu gerakan yang telah diperbantui oleh yayasan ini iaitu gerakan dakwah di Negeri Melaka yang hendak dilaksanakan oleh beberapa badan sukarela, tetapi setelah mendapat persetujuan bantuan oleh yayasan ini tiba-tiba ditahan gerakan itu oleh Kerajaan Negeri Melaka. Adakah Kementerian ini sedar?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu perkara ini tidak disedari.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Mengikut apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kerajaan Malaysia telah memberi sumbangan sebanyak \$200,000 sahaja dan adakah dengan sebab wang ini tidak cukup maka tidak dirancang, atau tidak ada perancangan maka duit tidak diperolehi. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau ada rancangan, wang itu akan ada atau boleh diikhtiarkan. Setakat ini kita masih menanti rancangan daripada Dakwah Islamiah.

HOSPITAL DAERAH ULU TRENGGANU

9. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan sebuah hospital daerah di Ulu Trengganu akan dimulakan sebagaimana yang diumumkan oleh beliau dalam masa lawatannya ke Trengganu baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah memasukkan satu cadangan bagi pembinaan sebuah hospital daerah di Ulu Trengganu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Keutamaan yang tinggi sedang diberi terhadap projek ini. Satu kawasan telahpun dipilih bagi hospital ini di satu tempat yang boleh memberi faedah maksima kepada penduduk-penduduk di situ.

Permulaan pembinaan projek ini akan bergantung kepada:

- (i) Kelulusan bagi pembinaan projek ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.
- (ii) Kemampuan pihak Jabatan Kerja Raya untuk menyediakan pelan-pelan dan berikutnya menyediakan surat tawaran bagi memanggil tender supaya pembinaan boleh dimulakan.

KELINIK BUKIT TINGGI, BENTONG— PEMINDAHAN

10. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada benar bahawa klinik di Bukit Tinggi di daerah Bentong akan dipindah ke kawasan lain;
- (b) samada benar bahawa klinik ini akan diruntuhkan terlebih dahulu sebelum klinik baru didirikan; dan
- (c) apakah tujuan Kementerian beliau berbuat demikian oleh kerana ini bermakna Bukit Tinggi tidak akan mempunyai klinik sehingga klinik baru didirikan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah diberitahu oleh Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan bahawa klinik kesihatan yang ada sekarang di Bukit Tinggi akan terganggu oleh pembinaan Lebuhraya dari Kuala Lumpur ke Karak. Namun demikian klinik ini tidak akan dirobohkan sehingga sebuah klinik yang baru telah dibina. Peruntukan-peruntukan wang bagi pembinaan klinik yang baru akan dibekalkan daripada wang peruntukan Rancangan Lebuhraya tersebut. Di waktu ini perbincangan-perbincangan sedang diadakan dengan Kerajaan Negeri Pahang dengan tujuan untuk mendapatkan peruntukan bagi mencari satu tapak tanah baru bagi klinik yang berkenaan.

BAJU KURUNG PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH

11. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kedudukannya sekarang berhubung dengan cadangan menjadikan baju kurung sebagai pakaian seragam sekolah bagi murid-murid perempuan di sekolah-sekolah Kerajaan.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang semua murid perempuan di semua sekolah di Malaysia diwajibkan memakai pakaian seragam sekolah. Berkenaan dengan pakaian baju kurung untuk murid-murid perempuan beragama Islam, terpuanglah kepada ibubapa mereka untuk memutuskan samada anak-anak perempuan hendak memakai baju kurung atau tidak.

Pada masa ini Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan untuk memaksa semua murid perempuan memakai baju kurung.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi saya faham, tetapi soal pakaian seragam ini adalah saya merasai tidak begitu tegas jika pihak Kementerian yang berkenaan menyerahkan urusan ini kepada pihak ibubapa mereka, sebab apabila kita ingat di mana pada masa yang lampau itu di waktu Menteri Pelajaran, Tuan Haji Mohamed bin Yaacob pernah mengeluarkan surat pekeliling mengarahkan bahawa murid-murid Tingkatan Empat ke atas mestilah memakai baju kurung. Apakah salahnya pihak yang berkenaan sekarang meneruskan sahaja dan mengetatkan lagi menjalankan terus urusan ini. Jika kita serahkan kepada pihak ibubapa dengan tegas saya katakan di dalam Dewan ini ramai ibubapa yang masih tidak mahu anak mereka memakai baju kurung dan berkain sarung. Jadi yang kita nampak sekarang apabila ketegasan daripada pihak Kementerian yang berkenaan mahu tidak mahu masyarakat mesti patuh kerana yang mengeluarkan perintah peraturan itu adalah Kementerian yang berkenaan, tetapi kalau beginilah keadaannya menyerahkan perkara ini kepada ibubapa sahaja, amatlah sampai hari kiamat maka pelajar-pelajar puteri Islam ini tidak akan memakai baju kurung dan berkain sarung. Apa lagi kita mendapat tentangan yang hebat dalam masalah ini dari kalangan wanita Islam sendiri.

Kedua, saya merasa kasihan kepada pihak Kementerian yang berkenaan, walaupun perkara ini kita serahkan kepada ibubapa dan pelajar, adakah Kementerian sedar dosa yang paling besar Kementerian bertanggungjawab bersama dengan kerana wanita Islam itu mendedahkan aurat dengan memakai gown hanya menampakkan aurat separuh bogel.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham samada ini soalan atau tidak, tetapi merupakan pendapat daripada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya berkenaan dengan pakaian seragam pada mulanya kita menetapkan tidak ada baju kurung sama sekali tetapi apabila kita menerima desakan, maka Menteri Pelajaran yang lama, Tuan Haji

Mohamed bin Yaacob telah memberi arahan supaya murid-murid Islam perempuan memakai baju kurung. Setelah arahan ini dikeluarkan maka tentangan-tentangan yang hebat datang daripada ibubapa sendiri dan ramai ibubapa ini yang menganggap bahawa arahan itu tidak sesuai dengan memaksa perbelanjaan yang tinggi serta pula tidak menjamin kebaikan akhlak anak mereka sendiri, oleh kerana desakan daripada ibubapa ini, maka Menteri Pelajaran yang lama telah menentukan iaitu bagi pihak yang berpendapat bahawa dengan memakai baju kurung ini, maka akhlak kanak-kanak akan jadi baik, maka bolehlah mereka berbuat demikian. Tetapi bagi ibubapa yang tidak begitu memandang bahawa dengan memakai baju kurung akhlak anak-anak mereka akan jadi baik, dan mereka ingin melihat anak mereka pakai lain daripada baju kurung maka tidak ada tegahan daripada pihak Kementerian.

Saya percaya bahawa tanggungjawab tentang perkara ini bukan sahaja diletakkan kepada Kementerian dan jika dengan kerana ini Kementerian terpaksa menanggung dosa, saya belum tentu siapa yang patut ditentukan samada Kementerian akan menanggung dosa ataupun ibubapa yang tidak memaksa anak mereka memakai baju kurung ini.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama saya menitikberatkan untuk mendapat ketegasan daripada pihak Kementerian, sebab saya pernah menemui apabila ketegasan ini dikeluarkan yang berupa arahan. Saya pernah menemui sebahagian masyarakat ibubapa pelajar-pelajar itu yang mana terdapat sungutan daripada ibubapa pelajar-pelajar yang memperkatakan bahawa walau bagaimanapun kami tidak mahu menerima dan memaksa anak kami memakai baju kurung dan kain sarung. Tetapi jika dapat ditegaskan oleh pihak Kementerian dengan undang-undang yang dapat ditentukan maka kami sanggup mematuhi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Yang kedua dengan tidak ada ketegasan daripada pihak yang berkenaan, maka pernah anak-anak kita yang memakai baju kurung dan kain sarung pergi ke sekolah, tetapi amat malang sekali apabila Guru

Besar sekolah itu yang terdiri dari yang bukan beragama Islam pernah melemparkan tuduhan yang amat menyedihkan hati. Pergi kamu pulang salin pakaian kerana bukan perintah yang tegas. Saya tidak mahu tengok awak memakai pakaian yang seperti ini, rimas sahaja masuk di dalam kelas. Jadi inilah satu ketegasan yang kita meminta daripada pihak Kementerian yang berkenaan. Kalau kita begitu longgarkan sahaja alamatlah di setengah-setengah tempat tidak dapat kita hendak melaksanakan anak kita memakai baju kurung dan kain sarung.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau pendek, boleh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya hendak bertanya adakah pakaian baju kurung dan kain sahaja dikatakan perempuan itu Islam? Saya tengok di negeri Arab mereka berjubah, mukanya ditutup matanya sahaja yang nampak, hendaklah kita ikut begitu?

Kalau di India lain pula pakaiannya, pakaian sari. Jadi saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab, adakah yang dikatakan Islam ini mesti memakai baju kurung dan kain sahaja?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa untuk Soal-Jawab sudah cukup (*Ketawa*).

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

LAWATAN KE REPUBLIK RAKYAT CHINA

12. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan menimbang melonggarkan sekatan ke atas rakyat-rakyat Malaysia yang hendak melawat Negeri China untuk mendapat rawatan perubatan dan membuat penyelidikan sains, sosial dan sejarah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Lawatan ke Negeri Republik Rakyat China adalah sama seperti lawatan ke negara-

negara Sosialis yang lain. Tiap-tiap permohonan itu akan ditimbang mengikut meritnya.

PENGANGGURAN KAUM INDIA

13. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan ada apa-apa rancangan bagi mengikut suatu dasar baru atau program bagi mengatasi masaalah pengangguran yang dihadapi oleh kaum India dalam negeri ini, oleh kerana angka-angka di Pusat-pusat Pekerjaan sekarang ini menunjukkan bahawa peratus kaum India yang menganggur adalah 11% lebih daripada angka bagi kaum-kaum lain dan jika sedar, nyatakan dasar atau program baru itu.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Kaum India di Malaysia adalah terdiri dari 16% dari jumlah pendaftaran-pendaftaran kerja di Pejabat-pejabat Pekerjaan di Semenanjung Malaysia. Dasar Kerajaan untuk mengatasi pengangguran adalah komprehensif dan oleh yang demikian tidak ada cadangan untuk sebarang acara atau program yang spesifik yang dikhaskan bagi kaum India di Malaysia.

PROJEK LEMBANGAN SUNGAI TRENGGANU

14. Datuk Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Perdana Menteri memandangkan bahawa satu kajian telah dibuat bagi projek muara Sungai Trengganu nyatakan dalam apa bidang yang boleh dimunafatkan oleh projek tersebut, serta nyatakan jumlah anggaran perbelanjaan. Bank atau Kerajaan mana yang membiayainya. Bila akan dimulakan dan juga tamatnya projek ini.

Perdana Menteri: Projek Lembangan Sungai Trengganu adalah memberi menafaat kepada seluruh Kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan cara mengadakan punca tenaga yang murah dan terjamin ke Negeri-negeri Pantai Timur, iaitu Kelantan, Trengganu dan Pahang. Di samping itu, projek ini juga memberi menafaat dalam bidang seperti berikut:

- (a) mengadakan kawalan banjir dan dengan itu akan mengurangkan bencana-bencana banjir di seluruh Kawasan Lembangan Sungai Trengganu;

(b) meluaskan lagi kawasan-kawasan yang dapat diairi;

(c) mengadakan satu punca bekalan air.

Satu Kajian Kemungkinan Awal bagi projek ini telah dijalankan dan selesai dalam tahun 1974 di bawah Rancangan Colombo oleh Syarikat Perunding Showy Mountains Engineering Corporation bagi pihak Kerajaan Australia.

Kajian kemungkinan yang lebih lanjut yang memakan masa selama 18 bulan telahpun bermula pada bulan Ogos 1974 dan dijalankan oleh Syarikat Perunding yang sama.

Kedua-dua Kajian ini telah dibiayai oleh Kerajaan Australia. Pembinaan projek ini dijangkakan bermula dalam tahun 1977 dan adalah dianggarkan bahawa projek ini akan mula membekalkan tenaga dalam tahun 1983-8 tahun lagi.

Anggaran kos atau perbelanjaan bagi pemasangan janakuasa yang berkeupayaan 150 MW adalah lebih kurang sebanyak M\$341.3 juta. Pembinaan projek ini mungkin akan dibiayai oleh Tabong Kuwait bagi Pembangunan Ekonomi Arab.

BAS SYARIKAT KENDERAAN MELAYU KELANTAN— PERKHIDMATAN

15. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar atau tidak tentang kesusahan yang dialami oleh rakyat Kelantan oleh sebab sistem pengangkutan orang ramai yang tidak memuaskan di negeri ini. Selain dari bas-basnya tidak mencukupi, bas-bas yang ada tidak berjalan selalu dan kerap kali rosak. Jika ya, adakah syarikat-syarikat lain dibenarkan juga menjalankan perniagaan untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Kementerian saya sentiasa menggalakkan pengusaha pengusaha syarikat bas di Negeri Kelantan dan juga negeri-negeri lain memperbaiki kualiti dan bilangan perkhidmatan bas masing-masing. Bila perlu syarikat-syarikat bas hendaklah menggantikan bas lama dengan bas baru dan menambahkan bilangan terip-terip bas untuk melayani keperluan rakyat.

Berkenaan dengan masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ingin saya memaklumkan iaitu Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Berhad, yang sekarang ini mempunyai 175 buah bas, telahpun pada tahun 1973 menambah dan memesan sebanyak 35 buah bas dengan MARA, yang mana 19 buah sudah dilesenkan, 9 buah bas lagi dijangka akan mula berkhidmat dalam bulan Jun 1975 ini, sementara 7 buah bas masih dalam binaan-badan (body construction).

Moga-moga dengan adanya bas-bas tambahan ini akan memperbaiki lagi mutu perkhidmatan bas di Negeri Kelantan itu. Kementerian ini akan mengambil tindakan sewajarnya, dari semasa ke semasa, untuk memberi perkhidmatan bas yang cukup.

TANAH UNTUK BERCUCUK TANAM KEPADA PEKERJA LADANG

16. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan akan meminta jasa baik majikan ladang-ladang memberikan kemudahan kepada pekerja-pekerjanya menternak lembu dan sebagainya.

Datuk Lee San Choon: Di bawah Seksyen 10, Akta Perumahan Pekerja (Piawai Minimum), 1966, pihak pengurusan ladang-ladang adalah dikehendakki memperuntukkan tanah kepada pekerja-pekerja mereka untuk tujuan bercucuk tanam dan menternak lembu. Pada amnya majikan-majikan telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam perkara ini, malah ada setengah-setengah majikan yang membantu menyediakan tanah dan mengeluarkan baja. Pegawai-pegawai Kesatuan Sekerja juga adalah terlibat sepenuhnya bagi menggalakkan ahli-ahli mereka supaya menggunakan sepenuhnya tanah-tanah yang diperuntukkan kepada mereka itu.

INSURAN LUAR NEGERI

17. Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa hampir-hampir 90% dari pengeluaran bijih, getah, kelapa sawit, ladang-ladang kelapa sawit/getah juga harta kapal korek bijih timah dan lain-lain telah diinsurankan dengan syarikat insuran luar negeri;

- (b) adakah Kerajaan sedia mengadakan undang-undang yang menghalang harta dan kepentingan dalam Negeri Malaysia ini dicagar atau diinsurankan di luar negeri;
- (c) untuk melindungi kepentingan kebangsaan adakah beliau bersedia mengadakan undang-undang menghendaki syarikat insuran luar negeri meletakkan sebahagian besar insurannya di insuran yang ditubuhkan di Malaysia dan jika tidak mengapa.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn):

- (a) Kerajaan sedar akan kedudukan tersebut, dan penginsuran-penginsuran Malaysia telah didesak untuk menubuhkan "pakatan insuran" untuk menginsuran barang-barang yang diekspor. Bagi ladang-ladang kelapa sawit, getah dan kapal-kapal korek bijih timah, Yang Berhormat Senator akan sedar Rang Undang-undang Insuran (Pindaan), 1975, yang mana telah dibentangkan di dalam persidangan Parlimen sekarang menghendaki aset-aset ini diinsurankan di dalam negara dengan penginsuran-penginsuran Malaysia.
- (b) Peruntukan telahpun dimasukkan di bawah Rang Undang-undang Insuran (Pindaan), 1975, menghendaki syarikat-syarikat insuran menambah pelaburan-pelaburan mereka di dalam aset-aset Malaysia yang dibenarkan daripada kehendak berkanun sekarang sebanyak 75% hingga 80% dari jumlah aset-aset mereka. Lagipun, Rang Undang-undang memberi kepada mereka yang mencari insuran bagi harta mereka yang terletak di dalam Malaysia untuk berbuat demikian dengan penginsuran-penginsuran Malaysia yang menjalani perniagaan di dalam Malaysia.
- (c) Ianya tidak praktik membuat undang-undang untuk memaksa syarikat-syarikat insuran luar negeri menempatkan sejumlah besar polisi-polisi insuran mereka ke dalam syarikat-syarikat insuran yang ditubuhkan di dalam Malaysia, bagi insuran yang kukuh lebih baik untuk diberi perhatian ialah menyeluruhkan risiko-risiko. Lagipun syarikat-syarikat insuran yang ditubuhkan di dalam Malaysia tidak mempunyai

kebolehan penahanan (retention capacities) yang cukup. Akan tetapi, penyusunan yang memuaskan telahpun ujud bagi semua penginsuran-penginsuran di dalam Malaysia, termasuk penginsuran-penginsuran luar negeri, untuk menempatkan 10% dari insuran kebajikan dan insuran kemalangan persendirian dengan Malaysian Nasional Reinsurance Berhad (M.N.R.B.). Perniagaan insuran laut pada kadar 10% akan dimasukkan dan berkuatkuasa dari 1hb Julai, 1975. Di bawah undang-undang insuran yang telah disemak, cawangan-cawangan pejabat syarikat-syarikat insuran yang ditubuhkan di luar negeri menjalani perniagaan di dalam Malaysia akan digalakkan untuk menyusun semula syarikat mereka dengan rakyat Malaysia, terutama sekali, penyertaan ekuiti Bumiputra. Telah terdapat di dalam perhubungan ini, pertimbangan sekarang telah diberi untuk mencadangkan penyusunan semula 7 buah syarikat insuran.

POLIS WANITA

18. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan polis wanita di dalam Angkatan Polis Diraja Malaysia dari pangkat yang paling rendah hingga yang paling tinggi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jumlah anggota wanita di dalam Angkatan Polis Diraja Malaysia ialah 642 orang. Pecahannya mengikut pangkat adalah seperti berikut:

Pangkat	Jumlah
Mata-mata	486
Kopral	55
Sarjan	53
Sarjan Major	4
Inspektor	43
Timbalan Penguasa Polis ...	1
	<hr/>
	642
	<hr/>

Pasukan Polis Diraja Malaysia pada amnya tiada lagi membeza-bezakan polis wanita dengan polis lelaki di dalam semua aspek kepolisian. Kekosongan di dalam satu-satu jawatan dalam Pasukan Polis akan sama-sama dipertandingkan mengikut kebolehan dan kelayakan masing-masing.

PEKERJA LADANG MENDAPATKAN RAWATAN

19. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kementerian beliau untuk memperbaiki kemudahan rawatan dan keadaan kesihatan di ladang-ladang getah yang sekarang ini tidak memuaskan; dan
- (b) samada Kementerian beliau akan membina klinik-klinik Kerajaan di ladang-ladang besar atau secara berkelompok untuk membolehkan pekerja-pekerja ladang mendapat rawatan yang lebih baik.

Datuk Lee San Choon:

- (a) Sepanjang yang diketahui keadaan kesihatan dan kemudahan rawatan di ladang-ladang getah bukanlah tidak memuaskan. Sebenarnya dalam kebanyakan ladang-ladang getah yang besar di negeri ini, keadaan kesihatan dan kemudahan rawatan yang diberikan kepada pekerja-pekerja ladang adalah memuaskan. Di bawah peruntukan Labour Code, tuan-tuan punya ladang adalah dikehendaki mengadakan kemudahan-kemudahan seperti itu samada di klinik-klinik dan rumah-rumah sakit mereka sendiri ataupun di rumah-rumah sakit Kerajaan dan Klinik-klinik swasta di atas perbelanjaan mereka. Mereka juga adalah dikehendaki mengadakan kemudahan pengangkutan percuma. Jabatan Buruh Kementerian ini sentiasa bekerja rapat dengan Kementerian Kesihatan bagi memastikan bahawa keadaan kesihatan dan kemudahan rawatan di ladang-ladang adalah mencukupi dan memuaskan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberikan kes-kes tertentu di mana kemudahan-kemudahan seperti itu tidak diberikan, pegawai-pegawai dari Kementerian saya akan mengambil perhatian sewajarnya.
- (b) Tidak. Sebagaimana yang dinyatakan tadi adalah menjadi tanggungjawab majikan-majikan berkenaan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan yang sewajarnya kepada pekerja-pekerja mereka.

RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH

20. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) nama-nama rancangan pembangunan tanah yang diuntukkan kepada Bumiputra;
- (b) nama-nama rancangan pembangunan tanah yang diuntukkan kepada Bumiputra dan bukan Bumiputra; dan
- (c) samada bukan Bumiputra dibenarkan menyertai rancangan tanah FELDA.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tidak ada rancangan pembangunan tanah di negara ini yang dibuka khas untuk sesuatu kaum. Semua rancangan pembangunan tanah yang dibuka adalah untuk semua kaum.

SIJIL KEWARGANEGARAAN—PERMOHONAN

21. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk menjalankan suatu kajian secara mendalam bagi mengadakan suatu sistem baru dalam mana semua permohonan untuk sijil kewarganegaraan Malaysia yang dibuat oleh kaum India yang layak akan diberikan segala pertimbangan yang adil dan wajar.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pegawai-pegawai Kementerian ini adalah senantiasa mengendalikan kerja-kerja memproses permohonan kewarganegaraan bukan sahaja terhadap permohonan kaum India bahkan daripada kaum-kaum yang lain. Dalam melaksanakan kerja ini, pertimbangan yang adil dan wajar sudah memang menjadi amalan Kementerian ini dan boleh dikatakan tiap-tiap hari ada permohonan yang diberi keputusan. Oleh kerana sistem yang sedang dijalankan sekarang ini adalah hasil daripada suatu kajian yang mendalam dan didapati sistem sekarang ini sangat memuaskan maka tidaklah perlu diadakan suatu sistem baru sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

TUNJUK PERASAAN OLEH PELAJAR

22. Datuk Haji Ahmad bin Arshad meminta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) hingga setakat ini berapa jumlah pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah yang ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang berpunca dari demonstrasi yang ditunjukkan oleh mereka baru-baru ini;
- (b) jumlah yang dibebaskan dengan bersyarat dan tanpa bersyarat tiap-tiap satu dan adakah mereka ahli satu-satu Parti Siasah yang tertentu;
- (c) takrif istilah demonstrasi secara aman yang boleh dilakukan oleh pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah dalam negeri ini; dan
- (d) angka pelajar-pelajar yang ingin memasuki peperiksaan dan yang sebenarnya mengambil peperiksaan dalam tahanan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Berikutan dari tunjuk-tunjuk perasaan oleh pelajar-pelajar institusi-institusi tinggi di KUALA LUMPUR dan PULAU PINANG baru-baru ini, seramai 34 orang pelajar dan 5 orang pensyarah telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.
- (b) Pada masa ini dari jumlah yang ditangkap itu, 14 orang pelajar dan 3 orang pensyarah dibebaskan dengan bersyarat, 17 orang pelajar dan 1 orang pensyarah dibebaskan tanpa syarat, dan hanya 3 orang pelajar dan 1 orang pensyarah yang masih di dalam tahanan. Di antara kesemua pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar yang ditangkap di bawah Akta tersebut hanya dua orang yang menjadi ahli parti siasah.
- (c) Tidak ada demonstrasi yang boleh dilakukan oleh mana-mana pihak atau golongan tanpa kebenaran dari pihak yang berkuasa. Satu-satu demonstrasi itu akan hanya dapat disifatkan sebagai aman jika ianya teratur dan tidak menjadi apa-apa yang tidak diingini.

- (d) Pada prinsipnya Kementerian ini tidak ada apa-apa bantahan terhadap mana-mana orang tahanan yang ingin mengambil peperiksaan. Setakat ini hanya seorang sahaja pelajar yang ditahan iaitu Cik Juliet Chin yang telah menyatakan keinginannya mengambil peperiksaan. Permintaannya telah dipersetujui oleh Kementerian ini.

PERMIT MASUK SEMULA WARGA-NEGARA INDIA

23. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah apa-apa rancangan bagi mengeluarkan visa untuk tempoh selama enam bulan hingga setahun kepada kaum India yang memegang Kad Pengenalan warna merah dan yang menetap dalam negeri ini yang hendak melawat India dari semasa ke semasa oleh kerana visa untuk enam bulan yang dikeluarkan sekarang terlampau singkat masanya dan perjalanan pergi dan balik mengambil masa lebih kurang sebulan lamanya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soal visa tidak berbangkit oleh kerana warganegara India yang hendak pulang ke India tidak memerlukan visa. Kalau maksud Ahli Yang Berhormat itu Permit Masuk Semula (Re-Entry Permit) saya tidak bercadang mengubah pengeluaran Permit Masuk Semula ini dari 6 bulan ke satu tahun. Perjalanan kapal yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu memakan masa satu bulan tidaklah benar. Kapal penumpang dari Negeri ini ke India (Chitambaram) hanya memakan masa 3 atau 4 hari sahaja dan oleh itu tempoh masa re-entry permit 6 bulan itu adalah cukup lama. Semenjak perlaksanaannya pada tahun 1969 tidak terdapat apa-apa kesulitan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDASTRIAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah. "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb April, 1975).

Perbahasan disambung semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah—tidak ada.

3.33 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini dan saya hendak penjelasan daripada Menteri yang berkenaan iaitu saya ada menubuhkan sebuah syarikat: Heavies Oil Mill Sdn. Bhd. iaitu hendak membuat perkilangan minyak. Saya telah berjumpa dengan Pegawai-pegawai Kementerian iaitu mengatakan pada masa ini tidak berkehendakkan lesen cuma jikalau saya convert kilang minyak itu dijadikan sabun ataupun margarine, kemudian telah dinasihatkan pergi berjumpa dengan Kementerian Perusahaan Utama dengan mengatakan juga tidak berkehendakkan lesen. Jadi, itulah yang saya hendak dapat tahu samada jikalau sudah berjalan esok akan dikenakan bayaran lesen.

Satu perkara lagi, yang saya suka hendak dapat tahu, tempatnya yang saya hendak membuat kilang minyak ini ialah sekarang dalam agriculture. Apabila saya kemukakan kepada Pegawai Daerah yang berkenaan, dia tidak dapat menjawab samada hendak convert tanah itu atau tidak, sebab kilang minyak kelapa sawit ini bersamaan juga dengan agriculture. Jadi itulah dua sahaja soalan saya hendak minta penjelasan kepada Kementerian yang berkenaan samada kilang minyak kelapa sawit ini akan dikenakan lesen atau tidak dan adakah mustahak tanah hendak buat kilang minyak ini kena conversion.

3.36 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta yang dikemukakan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, membuat suatu industri atau kilang sepatutnya dikaji dari segenap lapisan, dari segi ekonominya, dari segi kenderaan, dari segi buruh; buruh kasar atau buruh berkebolehan, dari segi tanah dan lain-lain lagi. Tetapi yang pelek kepada saya kebenaran membuat sesuatu industri itu banyak badan-badan yang membenarkan, seumpamanya di negeri Perak.

Di negeri Perak di Taiping umpamanya, kebenaran itu diluluskan oleh Pegawai Daerah Larut dan Matang. Di sebelah Ipoh kebenaran itu diluluskan oleh Majlis Perbandaran dan juga ada pula lagi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri pula meluluskan

di mana-mana tempat di dalam negeri Perak ini. Ini patutlah dibetulkan supaya satu badan di tiap-tiap satu negeri sahaja yang membenarkan setelah dikaji dari segala segi yang telah saya kemukakan tadi.

3.37 *ptg.*

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh atas Rang Undang-undang Buruh dan saya mengucapkan berbilang-bilang tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Buruh yang mengemukakan Bill ini. Kita selalu mendengar aduan trade unions berkenaan dengan ketidak-samaan atau keadilan Rang Undang-undang Buruh ini di negara ini. Rang Undang-undang ini menguntungkan pihak majikan daripada pihak buruh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ponnusamy, ucapan Yang Berhormat itu nampaknya tidak kena-mengena dengan Bill yang dikemukakan sekarang.

Datuk Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju jika buruh-buruh di negara ini maju dan hidup berharmoni (harmony). Melalui pengalaman ini, kita dapati bahawa Rang Undang-undang ini sangat perlu dipinda bagi mencapai hasrat ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemberhentian pekerja-pekerja dewasa ini, perkara ini tidak menjadi suatu masalah yang sangat rumit, pekerja-pekerja terpaksa menanggung beberapa lama untuk mendapat keputusan.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk Ponnusamy Pillai, sila duduk dahulu.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu bercakap mengenai perkara buruh, tetapi kita sedang berbincang perkara perindustrian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya telah memberi ingatan kepada Yang Berhormat, nampaknya tidak diperhiraukan.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya akan campurkan hal industri dan buruh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, kerana segala aduan-aduan dihantar secara terus-menerus kepada Industrial Court dan Yang di-Pertua itu sendiri akan mengadakan pengaduan itu. Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Pindaan yang lama untuk mengatasi kekecohan yang timbul atas tujuan yang sama. Saya sendiri menyokong penuh atas pindaan ini yang boleh memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja daripada menjadi mangsa gerakan trade unions.

Tuan Yang di-Pertua, pihak majikan menimbulkan pendapat lama bahawa trade union akan membawa keburukan, tetapi pihak majikan yang lebih progressive akan bersetuju trade union adalah mustahak untuk mencapai taraf pengeluaran yang tinggi dan perhubungan yang baik didapati. Pekerjaan sekarang ini akan diperlukan jika pihak majikan memberi pandangan yang positif terhadap trade union. Jadi jika sekiranya pihak majikan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tidak salah saya Yang Berhormat bercakap atas Akta Perhubungan Perindustrian (Pindaan). Tunggulah bila Akta ini dibentangkan bolehlah Yang Berhormat bercakap lagi. Sila duduk.

3.41 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang iaitu satu Akta bagi membuat peruntukan bagi menyelaras dan memajukan aktiviti-aktiviti pengilangan di Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih terutama sekali kepada Kementerian yang berkenaan dan kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membawa Rang Undang-undang ini. Sepatutnya Rang Undang-undang ini kita telah bawa lama dahulu, iaitu lima atau sepuluh tahun dahulu. Sungguhpun dibawakan sekarang tertubuhnya kilang-kilang atau pembangunan kilang-kilang yang sebegitu pesat di Malaysia kita ini dan atas

pembangunan-pembangunan yang dijalankan di Malaysia, tetapi dengan tidak ada peraturan-peraturan atau undang-undang yang tertentu, maka keadaan-keadaan terdirinya kilang-kilang yang ada di Malaysia ini tidaklah begitu selaras. Saya sebutkan begitu ialah kerana memandangkan pada hari ini terdirinya kilang-kilang ini kebanyakannya boleh dikatakan di satu dua buah negeri sahaja iaitu sepertimana yang terdapat pada hari ini di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan juga Pulau Pinang. Maka di negeri-negeri yang kurang maju sepertimana kita katakan terutama sekali di sebelah negeri saya iaitu di Negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu keadaan kilang-kilang ini tersangat kurang. Jadi dengan adanya Rang Undang-undang ini, kita berharap, terutama sekali kepada pihak Menteri supaya dapat mengatur perjalanan kilang ini kepada negeri-negeri yang kurang maju ini supaya dapat didirikan lebih kilang-kilang ini semoga keadaan negeri-negeri itu dapat menampung, terutama sekali keadaan belia-belie ataupun beliawanis-beliawanis yang mana ada di negeri itu.

Kita juga berharap supaya tujuan utama di dalam Rang Undang-undang ini tidak pula berlumba-lumba kilang-kilang didirikan di dalam negara kita ini. Keadaan berlumba-lumba ini tentulah kita tahu bagaimana kilang-kilang ini pada masa dahulu didirikan begitu sahaja sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri 10% sahaja yang dapat diatur. Jadi dengan keadaan begitu tentulah kadang-kadang yang bermodal lebih dapat melumbakan keadaan-keadaan kilang yang kekurangan modal. Jadi dengan cara begitu semua pemohon-pemohon pada masa yang akan datang tentulah akan menumpukan kepada Kementerian yang tersebut dan pada masa itu dapatlah diatitkan berkenaan dengan pemberian lesen-lesen ini supaya tidak menjadi berlawanan di antara satu sama lain. Dan dengan kerana itu Rang Undang-undang ini menguntungkan juga, terutama kepada kilang-kilang dan juga kepada negara kita iaitu kilang-kilang itu yang akan rugi kerana dengan perlumbaan itu, salah satu akan menjadi rugi. Selain daripada itu, kepada negara kita juga akan menjadi rugi jika berlumba dan menjadikan keadaan kilang itu berlawanan antara satu sama lain.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya ada dua martabat yang tertinggi setelah Rang Undang-undang ini diluluskan.

Pertama sekali, kita tahu dengan lulusnya Rang Undang-undang ini iaitu memberikan pekerjaan kepada rakyat terutamanya rakyat di luar bandar yang mana di negeri-negeri yang kurang maju yang saya sebutkan tadi jika dapat diaturkan keadaan kedudukan kilang-kilang ini.

Yang keduanya, mendapatkan hasil negara yang lebih dan selain daripada itu kita tahu Rang Undang-undang ini beri kuasa-kuasa yang lebih kepada Kementerian ini dan kepada Yang Berhormat Menteri. Kita berharap di atas daya-usaha untuk mengeluarkan lesen-lesen ini dapat dipercepatkan dengan seberapa daya yang boleh dan tidaklah akan menjadi gangguan. Begitu juga, kita berharap perlantikan-perlantikan pegawai-pegawai yang akan menyelaras ataupun menentukan keadaan lesen-lesen ini akan dapat menjalankan dengan baik dan jujur. Dengan jalan yang sebegini dapatlah keadaan-keadaan daripada syarikat-syarikat yang membuat permohonan ini akan dapat dijalankan dengan sempurna dan dengan secepat mungkin mendapatkan lesen-lesen itu. Begitu juga, kita berharap dengan adanya kelulusan Rang Undang-undang ini hanya terkawal kepada kilang-kilang besar sahaja dan kita berharap kilang-kilang kecil juga pada masa yang akan datang dapat diawasi, dan dengan diawasi ini maka keadaan kilang-kilang kecil juga mendapat mutu yang baik dan tidak berlawanan di antara satu sama lain.

Selain daripada itu, kita tahu sebagaimana keadaan pendirian kilang ini yang saya sebutkan tadi, ada juga kilang-kilang yang didirikan ini mengganggu di satu-satu tempat. Kita harap pada masa yang akan datang dapat diawasi dalam perkara ini walaupun Rang Undang-undang ini ditujukan kepada kilang-kilang yang besar, tetapi ada juga kilang-kilang yang kecil ini mengganggu tempat-tempat yang tertentu, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat petang semalam iaitu bagaimana kilang-kilang yang didirikan berhampiran dengan sungai-sungai.

Misalnya, di Negeri saya Perlis ada juga kilang-kilang yang dibuatkan di Kuala Perlis yang bermodal tidak sampai \$100,000 tetapi memakan juga modal-modal itu sebanyak \$50,000-\$60,000 seperti kilang-kilang memproses ikan-ikan busuk yang dibuat baja. Tempat-tempat yang dibuat kilang-kilang ini boleh dikatakan di dalam kawasan-kawasan yang diduduki oleh orang ramai, maka terganggu sangat kepada orang ramai dengan bau-bau daripada ikan-ikan busuk ini dan juga bahaya daripada lalat-lalat yang banyak di situ. Jadi dengan keadaan begitu saya harapkan supaya perkara ini dapat diawasi dan dapat dijagai juga berkenaan dengan kilang-kilang kecil ini.

Begitu juga sepertimana ada di Perlis berkenaan dengan kilang belacan yang dibuat di Kuala Perlis, dan keadaan kilang-kilang yang seperti ini juga mendatangkan kadang-kadang bahaya kepada penduduk-penduduk di situ, kerana dibuat kilang-kilang ini di tempat-tempat yang penduduk-penduduknya ramai, sepatutnya kilang-kilang yang begini dibuat jauh daripada orang ramai. Maka ini lah harapan saya kepada Kementerian yang berkenaan, terutama sekali yang kita harapkan supaya penubuhan kilang-kilang pada masa yang akan datang ini akan dapat diberikan kepada negeri-negeri yang kurang maju supaya negeri-negeri itu juga dapat menampung belia-beliannya.

3.50 ptg.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad:
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan ini, tetapi saya suka membuat beberapa pandangan untuk ditimbang oleh Kementerian yang berkenaan, sebab tiap-tiap kali persidangan diadakan banyak Rang Undang-undang baru yang dibentangkan dan banyak pindaan-pindaan yang telah dibentangkan juga. Kebanyakan Rang Undang-undang ini tiap-tiap kali kita bersidang memberi lebih banyak lagi power kepada pihak Kerajaan dan dengan power tadi kadang-kadang Rang Undang-undang pun dibuat dengan memberi begitu banyak power dan Rang Undang-undang pula dibuat barangkali dengan tergesa-gesa hingga banyak ambiguities in legal construction. Dengan sebab itu di dalam beberapa tahun yang lalu

Kerajaan telah banyak kalah dalam kes-kes yang dibawa ke mahkamah. Saya tidak payah sebutkan di sini dengan lebih lanjut tentang hal itu.

Keduanya, di dalam Rang Undang-undang ini juga terlampau banyak sangat power yang akan diberi kepada Kementerian yang berkenaan yang saya tahu tujuannya baik iaitu untuk menyelenggarakan Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain tujuan Kerajaan yang tertentu, tetapi saya harap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan betul-betul memberi directive kepada pegawai-pegawai yang akan didelegatekan power ini atas tujuan-tujuan Akta yang kita sedang bincangkan ini. Sungguhpun kita tahu Menteri yang berkenaan, Datuk Hamzah, seorang yang baik, seorang yang saya rasa tidak akan menyalahgunakan kuasa beliau tetapi pegawai-pegawai yang akan didelegatekan power ini, saya kawatir harus ada di antara mereka yang patut diperhatikan betul-betul supaya tidak menyalahgunakan kuasa mereka sewaktu melaksanakan Rang Undang-undang ini. Sebab apa yang saya kawatir mungkin ada di antara mereka yang tidak tahu tujuan yang sebenarnya Rang Undang-undang ini yang akan menyebabkan pelabur-pelabur asing pergi ke negeri lain iaitu akan menyalahkan tujuan Kerajaan untuk membawa pelabur-pelabur asing datang ke negeri kita. Mungkin ada di antara mereka yang mabuk dengan power dan menyalahgunakan power tadi dan mungkin ada di antara mereka yang tidak mahu membuat decision dan ini akan melambat-lambatkan keputusan samada akan dibenarkan atau tidak dalam satu-satu perkara permohonan itu. Ini harus diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan, sebab kita tidak mahu apa yang akan terjadi ialah pelabur-pelabur itu akan memilih negeri lain selain daripada negeri kita.

Saya tahu ada beberapa buah syarikat yang besar yang telah menulis kepada Kementerian untuk memindahkan kilang-kilang mereka, dan saya akan memberikan nama syarikat-syarikat itu kepada Menteri yang berkenaan, kalau beliau mahu nanti, yang telah menulis surat kepada Kementerian sehingga satu tahun baru mendapat jawapan samada mereka dapat membesarkan kilang mereka atau tidak. Ini pernah terjadi. Jadi saya harap Rang Undang-undang ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya supaya akan menguntungkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian yang berkenaan akan berjaya dalam menjalankan Dasar Ekonomi Baru untuk memberi peluang kepada bumiputra mendapat 30% penyertaan dalam bidang ekonomi dalam masa 14 tahun lagi.

3.56 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya memandangkan bahawa perkara ini nampaknya telah disatukan dengan kuasa Menteri di dalam masaalah ini telah diberi dengan jelasnya.

Cuma satu perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini nampaknya tiap-tiap buah negeri di Malaysia ini, Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri mereka berlumba-lumba pergi keluar negeri untuk menarik pelabur asing masuk ke dalam negeri kita supaya negeri kita ini mendapat tempat yang dipilih oleh mereka bagi menanam modal. Apakala Menteri-menteri atau Kerajaan-kerajaan Negeri pergi keluar negeri menjemput pelabur-pelabur asing masuk ke negeri kita tentulah nampaknya ada kuasa negeri tentang pangsilan ataupun ajakan Kerajaan Negeri itu kepada pelabur-pelabur asing dan manakala haknya ada. Maka nampak oleh saya sekarang ini satu percanggahan bahawa lesen bagi membuat sesebuah kilang itu tertakluk kepada Akta ini sendiri dan Menteri adalah mempunyai hak yang tertentu bagi meluluskan sesuatu permohonan lesen membuat kilang-kilang itu.

Saya takut kalau sekiranya persesuaian di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat tentang kuasa tidak dapat diselaraskan, saya kawatir akan berlaku suatu pertelingkahan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Saya mencadangkan supaya tiap-tiap buah negeri kalau dapat dipertimbangkan, yang mencadangkan kawasan itu kawasan perindustrian atau perkilangan maka patutlah digezatkan kawasan itu dan tertakluk di bawah kuasa Kerajaan Pusat. Katakanlah 50-100 ekar kawasan tanah telah diisytiharkan sebagai kawasan perindustrian yang ditetapkan oleh sebuah Kerajaan Negeri diserahkan kepada Kerajaan Pusat, maka mudahlah Kementerian ini menentukan sifat atau bentuk kilang perindustrian yang akan

didirikan di tiap-tiap buah negeri itu, di dalam kawasan yang telah diisytiharkan itu. Tetapi adakah sekarang ini tanah yang telah diisytiharkan sebagai kawasan perindustrian itu masih di dalam kuasa Kerajaan Negeri atau telah diserahkan kepada Kerajaan Pusat untuk mengelolaknya. Pada pendapat saya kelambatan kilang-kilang pada sesebuah negeri itu didirikan mungkin oleh kerana perjalanan di antara daerah-daerah perkilangan yang diisytiharkan itu tidak ekonomik mengikut pandangan pengilang-pengilang atau mengikut pandangan pelabur-pelabur yang hendak mendirikan kilang di tempat itu, hanya sekadar negeri itu mengisytiharkan kawasan itu sebagai kawasan perkilangan dan diminta sesiapa yang hendak membuka kilang bolehlah memohon kepada Kerajaan Negeri. Dan manakala diasiat misalnya kawasan itu tidak sesuai oleh kerana jauh daripada pelabuhan, jalan dan keretapi, maka penghasilan mereka itu tidak dapat disalurkan dengan mudah; memakan belanja yang banyak dan tidak ekonomik. Maka tempat yang diisytiharkan sebagai perkilangan itu akan terbiar begitu sahaja dan manakala terbiar begitu sahaja akan adalah tuduhan mengatakan ketidakcekapan seseorang menjalankan pentadbiran bagi meninggikan perkilangan atau meninggikan perekonomian di sesebuah negeri.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan menimbangkan tanah-tanah yang telah diisytiharkan sebagai tanah perkilangan itu patut diserahkan kepada Kerajaan Pusat untuk mengendalikannya atau menjalankannya seperti yang berlaku pada FELDA. Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan yang sekarang ini boleh dikatakan berjaya ialah apakala tanah-tanah itu diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada FELDA dan FELDA menjalankan usaha-usahanya di atas tanah yang telah diserahkan itu dan hasilnya sangat memuaskan. Di mana-mana pun sekarang ini rancangan FELDA itu mendapat sambutan yang baik. Kalau dahulu orang tak hendak masuk ke dalam Rancangan FELDA, maka sekarang ini orang berebut-rebut minta hendak masuk ke dalam Rancangan FELDA oleh kerana kehidupan yang lebih lumayan. Ini disebabkan pentadbiran yang secara langsung oleh Kerajaan Pusat kepada tanah yang telah diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat.

Misal kata, Tuan Yang di-Pertua, kalau di Negeri Kedah ada kawasan tanah perkilangan, di Perak ada kawasan tanah perkilangan, di Pahang ada kawasan tanah perkilangan dan tanah-tanah ini semuanya masih kekal di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, saya tidak nampak satu jalan bagaimana tanah-tanah ini boleh diisi dengan kilang-kilang dengan secepat mungkin yang boleh oleh kerana terpaksa Kerajaan Negeri itu sendiri pergi keluar negeri membelanjakan wang berpuluh-puluh ribu ringgit menyatakan bahawa kawasan saya ini baik, kawasan pelabuhannya dekat, begitu-begini, kempen banyak-banyak ke luar negeri dan hasilnya belum tentu apakah dia akan dapat atau tidak.

Saya memandang berat soal ini supaya Kerajaan atau Kementerian ini memikirkan daripada sudut ini, sebab kalau kita hendak meletakkan bumiputra kita ini 30% di dalam perindustrian, maka hak yang penuh mestilah ada kepada Kementerian ini. Sekarang ini kuasa dia hanya mengeluarkan lesen bagi orang yang memohon tetapi dia tidak ada kuasa memberikan tempat yang hendak didirikan kilang itu, tempat itu terserah kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri pula mintalah kepada orang yang hendak membuat kilang di atas tanah itu kertas kerjanya. Kertas kerjanya membelanjakan duit, dicarinya orang-orang pakar-pakar untuk membuat kertas kerja, apa kilang yang hendak dibuat di situ, membelanjakan wang yang banyak dan setelah kertas kerja ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri pandang-pandang, tilik-tilik, ini ada mendatangkan keuntungan, lalu permohonan orang ini di tolak dan diberikan kepada perbadanan negeri itu sendiri yang dipunyai oleh negeri itu. Dia ada perbadanan-perbadanan ekonomi negeri maka kertas itu diserahkan kepada perbadanan negeri, sanggupkah awak menjalankan kerja yang macam ini. Kalau sanggup, tanah ini aku beri pada awak untuk menjalankannya dan permohonan orang itu ditolak; akan berlaku seperti itu. Jadi, kegiatan-kegiatan bumiputra yang tidak berkaitan dengan negeri itu akan patah di tengah jalan. Sekalipun kita katakan tidak, 100% bumiputra hendak mendirikan kilang, dia mesti joint venture juga dengan orang lain samada orang dalam negeri atau orang di luar negeri, tetapi oleh kerana kuasa

tempat tanah itu tidak ada pada Kementerian ini, ada kepada orang lain sekalipun kebenaran diberikan tetapi tempat itu tak ada maka kita tidak dapat melihat sejauh mana kejayaan yang boleh dicapai daripada cita-cita atau asas daripada asalnya sendiri. Bukan tidak pernah kita melakukan sesuatu yang mendatangkan faedah bersama seperti yang saya sebutkan tadi, FELDA misalnya. Maka ada lebih baik kalau sekiranya Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri mengadakan perundingan dalam masalah ini supaya tanah-tanah yang telah diisytiharkan itu dapat diolah, dapat didirikan kilang dengan seberapa segera yang boleh, sebab orang yang memohon tanah kilang ini hanya kepada satu Kementerian sahaja dan Kementerian ini boleh menentukan awak boleh mendirikan kilang ini di tempat ini dan aku akan berikan lesen kepada awak kalau awak bersedia mendirikan kilang di tempat ini dan tanahnya ada. Jadi kalau kedua-dua kuasa itu ada; kuasa mengeluarkan lesen, kuasa memberikan tempat ada kepada Kementerian ini, maka masalah yang rumit tidak akan timbul tetapi kalau sekiranya lesen sahaja yang ada kuasanya; membatalkan, memberi lesen sedangkan hendak letakkan kilang itu di atas tanah siapa, tak ada kuasa itu di tangan Kementerian ini maka akan percumalah sahaja sebab mungkin agaknya setiap orang berlumba-lumba sekarang ini hendak menunjukkan aku ini seorang yang pandai di dalam perindustrian, maka kadangkadangkang mungkin Kementerian ini akan ditinggalkan begitu sahaja.

Kalau saya misalnya daripada sebuah negeri dan saya mendapati negeri saya itu perlu ditingkatkan perindustriannya, saya terbang keluar negeri dan saya panggil orang datang ke dalam negeri saya, dirikan kilang-kilang, maka perbuatan saya ini secara tidak langsung atau secara langsung mengepikan kuasa yang ada pada Menteri sendiri. Jadi sekarang ini kalau berlakulah kilang itu di tempat itu siapa yang berusaha bagi mendirikan kilang itu? Kerajaan Negeri mengatakan: Akulah sebab saya yang pergi ke luar negeri. Kata Menteri Perdagangan dan Perindustrian pula: Kalau saya tak keluarkan lesen bagaimana kilang engkau hendak didirikan? Jadi berlaku nanti soal-soal yang rumit semacam ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menimbangankan masalah ini supaya tujuan kita membantu pelaksanaan dasar perindustrian Kerajaan ini tercapai, supaya memastikan kemajuan dan perkembangan yang teratur bagi perindustrian ini juga terlaksana, supaya memberikan kemudahan-kemudahan untuk mendapat maklumat mengenai perindustrian ini, bukan sahaja tentang mata pinnya, tentang jual-belinya tetapi tentang tempatnya juga akan dapat diselesaikan kalau sekiranya tujuan-tujuan asal yang ada di dalam huraian ini dipunyai seluruhnya oleh Kementerian ini sendiri.

4.08 ptg.

Cik Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini untuk menyokong penuh Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian yang dibincangkan pada hari ini dan bagi pihak saya tidaklah hendak bercakap panjang hanya satu perkara sahaja yang saya memberi perhatian kepada pihak Yang Berhormat Menteri sepertimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi, iaitu kilang-kilang kecil yang ada di tiap-tiap negeri di mana yang saya tahu di Negeri Kedah ada sebuah kilang baja di Kuala Kedah.

Kilang itu mengeluarkan bau yang hebat di dalam kawasan Kuala Kedah itu. Apabila mereka membawa keluar sahaja baja itu melalui jalan, kesemua orang telah mendapat bau itu. Di sini rasa saya adakah tindakan ini diambil oleh Kementerian ataupun pihak Kerajaan Negeri dan saya harap dapat diberi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri.

4.09 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini dan yang telah mengemukakan pendapat-pendapat, syor-syor, cadangan-cadangan, malahan teguran-teguran juga terhadap fasal-fasal dan juga tujuan-tujuan di belakang Undang-undang ini.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Cik Tom Saudah samada tindakan akan diambil oleh Kementerian berkenaan dengan kilang yang dikatakannya telah dibina di

Alor Setar, Kedah dengan mengeluarkan bau-bauan yang tidak baik, sukalah saya menyatakan di sini selepas sahaja Undang-undang ini dijalankan kuatkuasanya tindakan akan diambil sebagaimana yang saya terangkan meminta supaya kilang-kilang yang telah dibina, yang sedang bergerak supaya dalam masa tempoh setahun meminta lesen sebagaimana yang dikehendaki oleh Undang-undang ini. Dan dengan adanya kuatkuasa yang diberi kepada Kementerian ini untuk mengawasi perjalanan semua kilang-kilang yang kos perbelanjaannya \$100 ribu ke atas ataupun pekerjanya 25 orang ke atas maka bolehlah tindakan sewajarnya diambil terhadap perkara-perkara yang tidak menyenangkan hati, tidak sihat sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi untuk perkara-perkara yang kurang sihat yang tidak baik itu diperbaiki mengikut kuasa undang-undang ini.

Begitu juga kedudukan kilang-kilang yang keadaannya dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa perbahasan berkenaan undang-undang ini yang menyatakan bahawa banyak kilang-kilang ini yang telah menyebabkan kekotoran alam sekeliling, kekotoran air dan Kerajaan menerusi Kementerian ini dengan jalan kuatkuasa undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini akan membuat kajian mendalam, meminta apa sahaja lapuran yang perlu diminta untuk dapat kita menyasat di atas satu-satu kenyataan yang telah dikemukakan berkenaan dengan tidak sihatnya keadaan satu-satu kilang itu supaya tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian ini pada masa yang akan datang.

Tentang cadangan Yang Berhormat Senator Haji Othman supaya tanah-tanah yang dijadikan ladang perindustrian di negeri itu diserahkan kepada Pusat, saya mengakui bahawa ini adalah satu cadangan yang baik. Setakat yang saya tahu satu daripada perkara pada masa-masa yang lepas yang menjadi perkara kerumitan kepada pelabur-pelabur lebih-lebih lagi pelabur asing yang datang bertujuan menanam modal di dalam negara ini ialah masalah-masalah berkaitan dengan tanah. Tetapi sebagaimana Ahli-hli Yang Berhormat sedia maklum tanah adalah perkara Kerajaan Negeri dan adalah tanggungjawab kuasa Kerajaan Negeri menentukan kedudukan satu-satu tanah itu termasuk tanah-tanah yang digunakan untuk tujuan perindustrian.

Ahli Yang Berhormat menyebut tentang kedudukan tanah-tanah rancangan FELDA. Saya berpendapat kedudukan tanah FELDA itu rasa saya adalah berlainan sedikit dengan kedudukan tanah yang dimiliki oleh pelabur-pelabur untuk menjalankan perusahaan-perusahaan. Tanah-tanah FELDA itu adalah di-kendali atau diselenggarakan oleh agensi-agensi, badan-badan berkanun Kerajaan macam FELDA. Tetapi tanah-tanah yang dimiliki di negeri-negeri untuk tujuan perindustrian adalah tanah-tanah yang perlu dipunyai oleh pelabur-pelabur asing yang membina kilang-kilang untuk tujuan perindustrian. Jadi biasanya satu-satu pelabur asing yang datang dari luar negeri untuk menanam modal di sini mestilah mendapat jaminan bahawa mereka itu akan mendapat sekurang-kurangnya 60 tahun lease untuk boleh dia menjalankan perusahaannya dengan ada jaminan bahawa capital cost perbelanjaan asalnya dan selain dari itu dapat diperolehi dalam masa jangka panjang 60 tahun. Masaalah ini telah bangkit di setengah-setengah negeri di mana Kerajaan setengah-setengah negeri adalah keberatan untuk memberi sewa ataupun lease yang panjang daripada tempoh 30 tahun. Dengan kerana ini banyak pelabur-pelabur asing yang pada asalnya bertujuan untuk melabur modal di negeri yang berkenaan itu telah enggan menanam modal oleh kerana jangka masa sewa (lease) tanah yang diberi kepada dia itu adalah dianggap sangat singkat untuk membolehkan dia mendapat semula capital cost dan lain-lainnya juga. Jadi

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri nampak oleh kita sekarang ini ada kesulitan. Jadi itulah yang saya syorkan tadi kalau sekiranya tanah perindustrian itu sudah diistiharkan oleh Kerajaan Negeri katalah dalam 100-200 ekar dan tanah itu diserahkan kepada Kementerian dan Kementerian itu sendiri mengadakan satu perundingan dengan orang yang datang daripada luar berapa lama lease hendak dibuat, maka saya rasa cara yang macam itu tidak overlapping di dalam usaha kita. Adakah benda yang macam ini patut diadakan usaha penyelesaian?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang kita hadapi bukanlah masaalah kekurangan tanah, masaalah kekurangan tanah ini tidak

timbul kerana sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, kalau tidak salah saya, semua Kerajaan-kerajaan Negeri adalah sangat berhajat untuk membawa perusahaan perindustrian ke negeri masing-masing. Sebagaimana yang kita telah biasa dengar banyak rayuan-rayuan dibuat di Dewan Rakyat malah di Dewan yang berbahagia ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya perindustrian diperkembangkan lebih maju lagi daripada kawasan-kawasan yang selama ini menjadi kawasan perusahaan yang tradisional macam Bayan Lepas dibawa ke pantai-pantai timur. Jadi masalah tanah dari segi kekurangan tidak menjadi masalah. Yang menjadi masalah selama ini ialah umpamanya mendapat title dan tanah diisytihar sebagai tanah ataupun ladang perindustrian. Perkara ini sekarang kita dapat atasi dan ada perakuan dalam mana apabila satu-satu kawasan tanah itu diistiharkan sebagai kawasan perindustrian, langkah mesti dan perlu diambil oleh Kerajaan Negeri memindahmilikkan tanah itu kepada Lembaga Kemajuan Negeri-negeri yang berkenaan (S.E.D.C.) dan S.E.D.C. akan memindahmilik pula tanah itu dari segi sewa kepada mana-mana pelabur asing yang mahu bertapak di tempat-tempat yang tersebut mengadakan kilang-kilang perindustrian.

Sebagaimana saya kata tadi, masalah kekurangan tanah tidak timbul, yang timbul adalah semata-mata cara-cara penyerahan tanah, pemilikan tanah oleh pelabur-pelabur asing yang mahu menanam modal di dalam negeri yang tersebut. Sebagaimana saya katakan tadi, perkara ini banyak bergantung kepada adanya kenyataan sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan bahawa kuasa berkenaan dengan tanah masih lagi di dalam kuasa Kerajaan Negeri dan sudah tentulah, saya percaya, Kerajaan Negeri yang berkenaan tentulah tidak mahu menyerahkan kuasa hakmiliknya terhadap satu-satu tanah kepada pihak lain kerana Kerajaan-kerajaan yang berkenaan itu adalah berte-rusan mengutip hasil, premium dan sebagainya daripada hasil-hasil yang dimiliki oleh orang-orang samada untuk perusahaan ataupun lain-lain.

Menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat saudara saya yang bertanya adakah tanah kawasan perindustrian di bawah Kerajaan Negeri ataupun Pusat. Buat masa ini semua tanah-tanah kawasan perindustrian

adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri, cuma Kerajaan Negeri serahkan hakmiliknya diberi lease kepada S.E.D.C. dan S.E.D.C. menyewa tanah yang berkenaan itu kepada pelabur-pelabur asing yang mahu menanam modal di tempat-tempat yang berkenaan itu. Jadi kekurangan tanah tidak menjadi masalah, kerana boleh dibuktikan sebagaimana kata Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad semalam, di Muar tanah luas tetapi setakat ini cuma ada 3 kilang perindustrian sahaja yang dibina. Masalah di Muar itu bukan masalah kurang tanah, masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Johor dan Kerajaan Pusat, khasnya Kementerian saya dalam masalah mengadakan infrastruktur ataupun kemudahan asas bagi menarik pelabur-pelabur asing itu ke tempat yang berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad menyatakan Kerajaan perlu mengkaji satu-satu kawasan perindustrian itu dengan mendalam sebelum dibuka supaya jangan terbiar begitu lama dengan tidak ada kilang perindustrian, saya suka menyatakan bagi kawasan kilang perindustrian di Muar setakat ini sudah ada 14 projek perindustrian yang masih lagi dalam pertimbangan atau di dalam planning. Saya berharap insya Allah dalam masa yang tidak lama ke hadapan ini. Sebahagian daripada 14 projek perindustrian yang telah diluluskan bagi kawasan perindustrian Muar itu dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin yang boleh.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim membangkitkan juga perkara kekurangan kilang-kilang perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju macam Trengganu, Kelantan; tidak payahlah saya memberi jawapan yang panjang lebar kerana semalam saya sudah memberi penjelasan bahawa adalah hasrat Kerajaan memperkembang dan memperluaskan projek-projek perindustrian ini di kawasan-kawasan yang kurang maju macam Kelantan, Trengganu, Pahang dan Kedah dengan tujuan supaya rakyat, penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, terutamanya yang banyak menganggur di kalangan beliau dapat kesempatan untuk memperolehi pekerjaan di kilang-kilang perindustrian yang kita akan bina di kawasan-kawasan yang kurang maju. Dengan kerana inilah sebagaimana saya telah terangkan Kerajaan telah mengambil mengisytiharkan negeri-negeri seperti Kelantan, Trengganu, Pahang dan Kedah sebagai kawasan

galakan tambahan dengan tujuan supaya pelabur-pelabur yang mahu menanam modal, terutama daripada luar negeri akan pergi ke kawasan-kawasan tersebut untuk mengadakan kilang-kilang perindustrian.

Yang Berhormat Datuk Syed Kechik menyatakan bahawa undang-undang ini memberi kuasa yang banyak kepada Menteri ataupun kepada Kementerian. Saya bersetuju dan tidak menafikan bahawa memang ada fasal-fasal di dalam undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Menteri ataupun Kementerian, tetapi saya berpendapat memandangkan kepada pentingnya fasal-fasal di dalam Undang-undang ini dilaksanakan dengan sepenuhnya. Memandangkan juga kepada tujuan-tujuan penting di belakang Undang-undang ini, perlu kuasa diberi kepada Menteri ataupun Kementerian ini adalah kuasa yang penuh yang boleh menjamin supaya segala kuasa-kuasa yang ditetapkan di bawah fasal-fasal yang tertentu itu dapat dilaksanakan dengan tegas dan dengan memuaskan. Jadi, dalam pada itu sukalah saya sekali lagi memberi jaminan bahawa Undang-undang ini apabila dikuatkuasakan akan dilaksanakan dengan seberapa adilnya.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan kebimbangan beliau di atas kemungkinan pegawai-pegawai yang diberi kuasa di bawah undang-undang ini akan menyalah-gunakan kuasa, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai di bawah undang-undang ini adalah semata-mata terhad kepada perkara enforcement ataupun penguatkuasa di bawah Fasal 9 Kuasa memasuki rumah, menyiasat satu-satu rumah dan menyiasat satu-satu lapuran bahawa satu-satu kesalahan mungkin telah dilakukan di bawah undang-undang. Itulah sebab kuasa yang boleh diberi oleh Menteri kepada pegawai-pegawai kuasa yang diletakkan di bawah Fasal 9 berkaitan dengan penguat-kuasa ataupun enforcement. Umpamanya, kuasa memberi lesen dan membatalkan lesen adalah kuasa terkeluar daripada Fasal 9 yang tidak sekali-kali boleh diberi kepada mana-mana pegawai-pegawai oleh Menteri yang berkenaan.

Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan perkara ini bahawa selaku Menteri yang bertanggungjawab di dalam perkara

perlaksanaannya undang-undang ini, maka saya akan menjamin yang pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas di bawah Undang-undang ini akan diberi kenyataan, penerangan yang terang dan yang penuh di atas tujuan-tujuan, cara-cara pelaksanaan dan peraturan-peraturan fasal-fasal undang-undang ini supaya mereka dapat menjalankan tanggungjawab tugasnya dengan sebaiknya dengan tidak menyebabkan kesusahan kepada mana-mana pihak yang terlibat di bawah Undang-undang ini.

Tentang pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim Haji Yaacob samada tanah di atas mana kilang kelapa sawit iaitu perlu diubah syarat (conversion) daripada pertanian kepada tanah tapak kilang. Perkara ini adalah perkara timbangan bagi Kerajaan Negeri yang berkenaan menerusi Pejabat-pejabat Daerah, tetapi setakat yang saya tahu, mengikut pengalaman saya, kalau sekiranya tanah itu tanah yang dianggap ataupun mempunyai syarat agriculture dari segi makna agriculture di atas mana tanah itu ditanam getah, kelapa, sawah dan sebagainya apabila tanah ini diubahsuai menjadi satu tanah perkilangan dan perindustrian, mengikut pendapat saya perlulah bagi pihak yang berkenaan bertujuan membina kilang ini membuat permohonan kepada Pejabat Daerah minta supaya condition of title itu diubah daripada agriculture kepada tanah perindustrian. Saya sendiri berasa hairan kenapa Pegawai Daerah yang dihubungi yang menyatakan dia tidak tahu samada tanah itu masih terus menjadi tanah bersyarat agriculture atau sebaliknya.

Tentang samada kilang minyak itu memerlukan lesen mengikut undang-undang, kalau sekiranya kilang itu adalah kilang yang memerlukan kos perbelanjaan membina sebanyak \$100 ribu ke atas dan mempunyai pekerja seramai 25 orang ke atas maka perlulah mempunyai lesen untuk menjalankan kilang itu. Itu kalau minyak kelapa sawit. Jika kilang pengeluaran yang berasaskan kepada petroliam, lesen juga perlu diperolehi daripada pihak yang bertanggungjawab di dalam perkara petrol iaitu PETRONAS.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli juga telah menyentuh perlunya Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan oleh pegawai-pegawai yang mencukupi bilangannya dan juga kata mereka berdedikasi dan

faham akan tujuan-tujuan dan objektif-objektif undang-undang ini. Saya sukalah menerangkan di sini iaitu jentera pelaksanaan telahpun ada di Kementerian saya. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab saya akan memastikan bahawa pegawai-pegawai yang akan menguatkuasakan Akta ini adalah cukup bilangannya dan akan bekerja dengan penuh dedikasi. Mereka ini akan diberi penerangan dengan sepenuhnya mengenai perjalanan undang-undang ini supaya mereka faham kepada tujuan-tujuan Akta ini supaya dapat membantu dan bekerjasama dengan para pengilang di dalam pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan tentang perlunya dijelaskan aktiviti-aktiviti pengilangan, yang akan dikecualikan daripada Akta ini dan juga mengenai peraturan-peraturan permohonan-permohonan bagi mendapatkan lesen dan sebagainya. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa peraturan-peraturan di bawah Akta yang akan menerangkan cara-cara mengambil lesen dan bayaran-bayaran yang akan dikenakan dan juga aktiviti-aktiviti pengilangan yang akan dikecualikan daripada Akta ini yang dimaklumkan melalui *Warta Kerajaan* sebaik sahaja Rang Undang-undang ini menjadi Akta. Dalam pada itu para pengilang adalah dijemput meminta penjelasan daripada Kementerian ini tentang aspek-aspek Akta ini yang tidak jelas kepada mereka.

Mengenai masalah pencemaran alam yang dibangkitkan oleh Senator Abdul Rahim tadi telah saya jawab dan tindakan akan diambil oleh pihak Kementerian selepas sahaja berjalan kuatkuasa undang-undang dengan menghubungi kilang-kilang yang disebutkan itu yang telah menyebabkan keadaan yang tidak sihat dari segi pollution dan sebagainya supaya tindakan diambil oleh mereka untuk memperbaiki kedudukan kilang-kilang yang berkenaan itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Nong Chik telah menyeru supaya Kerajaan memastikan rakyat Malaysia dilindungi daripada amalan-amalan yang kurang sihat daripada pelabur-pelabur asing. Saya sukalah menyatakan bahawa dalam pada Kerajaan menggalakkan pelaburan asing di negeri ini, Kerajaan telahpun menyediakan guideline ataupun panduan mengenai cara-cara pelaburan asing disalurkan di dalam ekonomi kita. Satu jawatankuasa yang dinamakan

Foreign Investment Council telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa kegiatan-kegiatan pelaburan asing adalah tidak mudaratkan atau merosakkan ekonomi negara ini. Selain daripada itu bagi projek-projek bersama (joint venture) di antara pelabur-pelabur asing dan tempatan, Kerajaan adalah menapis dan mengkaji perjanjian-perjanjian yang akan ditandatangani oleh kedua belah pihak. Ini adalah bertujuan untuk memastikan kepentingan-kepentingan pelabur-pelabur tempatan adalah dilindungi di bawah undang-undang dan menurut arahan di bawah sesuatu perjanjian itu.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga membangkitkan masalah syarikat-syarikat perindustrian dan joint-venture yang mana sungguhpun rakyat Malaysia mempunyai saham yang lebih daripada pelabur-pelabur asing tetapi pergerakan syarikat itu dikawali oleh pelabur-pelabur asing. Saya sukalah menyatakan bahawa dasar Kerajaan untuk komposisi Lembaga Pengarah sesuatu syarikat itu mestilah mencerminkan jumlah saham yang dipegang oleh mereka yang mengusahakan syarikat tersebut. Di dalam satu syarikat itu rakyat Malaysia mempunyai saham yang lebih daripada rakyat asing maka terpujanglah kepada kebijaksanaan pengarah-pengarah tempatan itu memastikan bahawa pelabur-pelabur asing di dalam syarikat itu tidak mengontrol perjalanan satu-satu syarikat itu.

Ahli Yang Berhormat juga meminta Kerajaan memastikan bahawa kepentingan-kepentingan bumiputra adalah sentiasa dilindungi di dalam satu-satu projek perindustrian. Saya sukalah menyatakan bahawa dasar ini telahpun dijalankan oleh Kerajaan dengan cara mengenakan berbagai-bagai syarat ke atas syarikat-syarikat perindustrian yang mendapat galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968. Syarat-syarat ini adalah berhubung dengan penyertaan saham, guna-tenaga, pendedaran dan perkhidmatan profesional oleh bumiputra. Umpamanya dari segi penyertaan saham, Kerajaan telah mengkhaskan saham-saham untuk bumiputra di dalam sesuatu syarikat perindustrian dan Kerajaan sendiri meluluskan bumiputra yang boleh mengambil saham-saham tersebut. Dengan adanya Akta Penyelarasan Perindustrian, saya yakin dasar yang telah dijalankan selama ini boleh diperluaskan lagi dengan syarat-syarat yang sama juga dikenakan kepada kilang-kilang perindustrian yang

lain yang pada masa lepas tidak di bawah kuatkuasa ataupun naungan satu-satu undang-undang.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang bumiputra, terutamanya orang-orang kenamaan bumiputra yang telah dijadikan perkakas oleh pelabur-pelabur bukan bumiputra. Bagi menjawabnya, saya sukalah menyatakan bahawa di dalam sistem ekonomi yang bebas, pengaruh ataupun element of influence memanglah mempunyai peranan yang penting. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri yang lama berkecimpung di dalam perdagangan, dalam usaha bersama (joint-venture) mungkin maklum bahawa perkara itu adalah perkara biasa dalam facts of life bagi tiap-tiap satu perusahaan atau perdagangan yang dijalankan di tiap-tiap negara yang mengamalkan perdagangan yang bebas, maka sudah tentulah orang-orang yang diambil oleh sesuatu syarikat itu tentulah daripada orang-orang yang agak berpengaruh seperti Yang Berhormat sendiri, yang sudah tentu dengan kuasa dan pengaruhnya dapat memainkan peranan yang penting di dalam memajukan perjalanan satu-satu kilang perusahaan ataupun badan-badan perdagangan. Jadi samada bumiputra itu dijadikan perkakas atau tidak terpulanglah kepada kebijaksanaan mereka untuk memainkan peranan yang aktif di dalam pengurusan sesuatu syarikat itu. Tetapi Kerajaan menerusi Kementerian saya adalah selalu mengawasi kedudukan itu. Saya menyedari bahawa apabila satu-satu kilang yang telah diluluskan di bawah satu undang-undang terutama Akta Galakan Pelaburan, 1968 itu kita sentiasa meluluskan seseorang partner yang diminta oleh satu-satu pelabur asing atau bukan bumiputra, yang mana partner itu daripada bumiputra supaya kita mendapat keyakinan penuh bahawa orang yang ditunjukkan menjadi partner bumiputra di dalam satu-satu usaha bersama itu adalah betul-betul bumiputra yang akan terlibat di dalam perusahaan itu dari segi penyertaan modal mahu pun penyertaan dari segi pengurusan. Kita tidak mahu orang-orang yang ditunjukkan itu sebagaimana kata Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik tadi orang yang semata-mata digunakan sebagai perkakas oleh pihak-pihak pelabur terutama pelabur-pelabur asing yang mengadakan projek usaha bersama dengan pelabur-pelabur daripada partner daripada kaum bumiputra.

Mengenai syarat-syarat ketat equity yang dikenakan oleh setengah-setengah Kerajaan Negeri bagi projek-projek usaha bersama di antara pelabur tempatan dengan pelabur-pelabur asing, saya sukalah menyatakan bahawa kelonggaran boleh dibuat terhadap syarat equity bumiputra untuk memastikan bahawa projek itu dapat didirikan di kawasan yang kurang maju seperti di negeri-negeri Pantai Timur. Saya telah memberi penjelasan tentang perkara ini dan saya menyedari bahawa di setengah-setengah negeri sebagaimana kata Yang Berhormat Datuk Mansor sendiri yang menyatakan bahawa ada pelabur-pelabur asing enggan datang ke negeri yang berkenaan oleh kerana syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak-pihak yang berkenaan adalah sangat ketat dari segi penyertaan equity dalam mana penyertaan equity itu adalah ditetapkan kepada asas 60:40 atau 70:30 dengan itu sangat tidak menggalakkan pelabur-pelabur asing datang ke negeri yang berkenaan itu untuk menanam modal. Tentang perkara ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu mungkin telah sedar saya telah membuat kenyataan bahawa Kerajaan adalah sedia menimbangkan kemungkinan kelonggaran syarat ini supaya penyertaan dari segi equity participation itu adalah longgar daripada yang biasa kita kenakan untuk dapat menggalakkan pelabur-pelabur daripada luar negeri datang ke negeri-negeri yang kurang maju seperti Trengganu, Kelantan dan juga Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyeru supaya Kerajaan jangan membuka banyak kawasan perindustrian oleh kerana kawasan-kawasan perindustrian yang ada sekarang ini belum lagi dipenuhi oleh kilang, sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedar adanya kawasan-kawasan kilang perindustrian yang belum lagi dipenuhi oleh kilang-kilang. Ini adalah disebabkan oleh kerana persediaan asas atau infra-structure belum lagi diadakan di kawasan-kawasan yang berkenaan dan selagi kawasan-kawasan ini tidak diadakan infra-structure dan kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi tidak diadakan maka sudah tentulah kilang-kilang, kawasan-kawasan perindustrian itu tidak dipenuhi oleh kilang-kilang perindustrian. Tentang kedudukan kawasan perindustrian di Muar tadi, saya telah

memberi jawapan dan saya berharap kilang-kilang yang telah diluluskan itu akan dibina dengan secepat mungkin yang boleh.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan bahawa ada kilang yang didirikan berkurangan bahan mentah dan telah menyebutkan adanya kenyataan bahawa kilang-kilang nenas di Johor berkurangan bahan-bahan mentah untuk diproses. Saya telah menghubungi pihak FIMA yang bertanggungjawab dalam perkara ini yang telah memberi maklumat kepada saya bahawa kekurangan bahan-bahan mentah buah-buahan nenas ini ada masa-masanya (seasonal). Tetapi ada masanya banyak sangat nenas yang ditanam sehingga terpaksa pihak-pihak pengilang itu mengurangkan pengeluaran nenas tin supaya jangan banyak sangat dikeluarkan hingga tidak dapat kita pasarkan di mana kita boleh jual nenas itu. Mengikut keterangan ini ada kekurangan bahan mentah ini pada masa-masa (season) yang tertentu. Tetapi sebaliknya ada kalanya terlalu banyak bahan mentah yang dikeluarkan untuk diproses.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah menyentuh tentang kuasa Menteri di dalam membatalkan sesuatu lesen di bawah Fasal 6 (1) yang menurut beliau adalah terlalu luas. Sukalah saya menyatakan bahawa kuasa membatalkan sesuatu lesen itu adalah kuasa budi-bicara (discretion) yang mana sebelum satu-satu lesen itu dibatalkan, Menteri boleh meminta pengilang yang berkenaan untuk memberi sebab-sebab mengapa lesennya itu tidak boleh dibatalkan. Sebelum sesuatu pembatalan itu dibuat, Menteri akan memberikan pertimbangan yang saksama dan adil berasaskan kepada kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ulasan saya mengenai perbincangan Akta ini dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Akta ini dan juga yang telah memberi pandangan, perhatian-perhatian dan pendapat-pendapat terhadap undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.50 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.07 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PEGAWAI-PEGAWAI DAN ANAK NEGERI (ELAUN DAN GANJARAN PERSARAAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bertajuk Akta Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun Persaraan dan Ganjaran), 1963 bagi mengecualikan seseorang pegawai anak negeri yang dilantik ke perkhidmatan Ketua Masyarakat daripada menerima sesuatu elaun Persaraan atau Ganjaran di bawah Ordinan tersebut bagi tempoh ia berkhidmat di dalam Perkhidmatan Ketua Masyarakat. Ini ialah kerana seseorang pegawai yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Ketua Masyarakat dikehendaki menaruh kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dan dengan itu pindaan perlu dibuat kepada Ordinan tersebut di atas

supaya seseorang Pegawai Anak Negeri yang dilantik tidak akan menerima faedah berganda (double benefits). Ditegaskan bahawa walaupun tempoh perkhidmatan di dalam Perkhidmatan Ketua Masyarakat dikecualikan daripada kiraan untuk mendapat faedah-faedah persaraan di bawah Ordinan Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan), 1963. Tempoh tersebut diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan yang melayakkan bagi mendapat faedah-faedah tersebut bagi perkhidmatan sebagai Pegawai Anak Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Rang Undang-undang bertajuk "Akta Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan), 1975" dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.12 ptg.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kemajuan Petroliam, 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian harus masih ingat lagi bahawa dalam bulan Julai tahun lepas Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang Kemajuan petroliam. Dengan adanya Akta Kemajuan

Petroliam itu pemunyaan mengenai petroliam, dan hak-hak, kuasa-kuasa kebebasan-kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan eksklusif untuk mencari, mengeksploit, mendapatkan dan memperolehi petroliam adalah diletak hak pada Petroliam Nasional Berhad atau dengan secara ringkas, PETRONAS. Di bawah Akta itu, PETRONAS juga diberi hak eksklusif bagi menjalankan perniagaan memproses atau menapis petroliam atau mengilang keluaran-keluaran kimia-petrol daripada petroliam. Perniagaan seumpama itu hanya boleh dijalankan oleh orang-orang lain dengan kebenaran Perdana Menteri.

Semenjak diperbadankan PETRONAS tujuh bulan dahulu, PETRONAS telah menjalankan siasatan atas semua perniagaan yang berkaitan dengan petroliam yang dijalankan di negara ini. Adalah didapati bahawa untuk mencapai objektif negara supaya memperolehi faedah yang maksimum dari petroliam untuk rakyat jelata maka didapati mustahak dipinda Akta Kemajuan Petroliam, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mencadangkan beberapa pindaan, tetapi yang pentingnya ialah seperti berikut:

Pertamanya, untuk memberi hak-hak eksklusif kepada PETRONAS bagi menjalankan perniagaan pemasaran dan pembahagian petroliam dan barang-barang keluaran kimia-petrol;

Keduanya, menghendaki syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan yang tersebut dalam seksyen 6 (1) dan (3) mengadakan dua kelas syer, iaitu syer biasa dan syer pengurusan. Syarikat-syarikat itu dikehendaki mengeluarkan syer pengurusan itu kepada PETRONAS dengan bayaran wang tunai;

Ketiganya, untuk memperluaskan lagi kuasa membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah saya jelaskan maksud tiga pindaan yang penting itu. Sebagaimana yang saya katakan tadi, PETRONAS adalah diberi oleh Akta itu hak-hak eksklusif untuk menjalankan urusan memproses atau menapis petroliam atau mengilang keluaran-keluaran kimia-petrol daripada petroliam. Urusan yang demikian adalah suatu aspek yang penting dalam perusahaan petroliam. Walau bagaimanapun, PETRONAS belum lagi diberi hak untuk menyertai dan mengawal aspek penting yang

satu lagi itu mengenai aktiviti-aktiviti penggunaan (downstream activities) yakni pemasaran dan pengedaran petrolium dan keluaran-keluaran kimia-petrol. Pada masa ini penyertaan Bumiputra dalam aktiviti-aktiviti ini tidak cukup. Aktiviti-aktiviti penggunaan ini (downstream activities) adalah juga perlu diperkembangkan secara teratur dengan tujuan untuk membetulkan kedudukan ekonomi yang tak seimbang di antara kawasan bandar dengan kawasan luarbandar. Aspek pekerjaan dalam sektor perniagaan ini hendaklah juga dikaji dan jika perlu disusun semula. Semuanya ini hanya boleh dicapai dengan berkesan jika PETRONAS diberi hak menjalankan urusan pemasaran dan pengedaran petrolium dan keluaran-keluaran kimia-petrol. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna yang orang-orang lain tidak boleh menjalankan urusan itu, oleh kerana pindaan yang dicadangkan itu memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk memberi kebenaran kepada orang-orang lain itu dengan bersyarat. Pindaan ini adalah diperuntukkan dalam Fasal 2 (c) Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kuasa-kuasa memasar dan membahagi petrolium dalam tangan PETRONAS, maka kioskkiosk minyak (service stations) kepunyaan petronas akan dapat didirikan di merata-merata tempat untuk kemudahan rakyat di tanahair kita ini.

Pindaan yang kedua ialah mengenai pengeluaran syer-syer pengurusan kepada PETRONAS oleh syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan memproses atau menapis petrolium atau mengilang benda-benda keluaran kimia-petrol dari petrolium atau memasar atau membahagi petrolium dan benda-benda keluaran kimia-petrol. Tujuan pindaan ini ialah juga untuk mencapai objektif polisi yang saya sebutkan tadi iaitu, penyertaan oleh Bumiputra, perkembangan yang teratur dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran dan pengimbangan pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di sini bahawa syer pengurusan dikeluarkan oleh syarikat-syarikat itu kepada PETRONAS adalah dengan cara bayaran tunai (for cash) dan dengan harga yang sama dengan harga pasaran syer biasa bagi syarikat-syarikat itu sebagaimana yang disebut harga (quote) di Pasar Saham (Stock Exchange) pada tarikh syer pengurusan itu dikeluarkan. Jika syer-syer biasa syarikat itu tidak disebutkan di

Pasar Saham, maka syer pengurusan itu adalah mengikut kadar yang berpatutan. Saya suka juga menegaskan bahawa syer pengurusan dan syer biasa adalah sama tarafnya mengenai pembayaran dividen, mengenai pengeluaran bonus dan right issue, mengenai hak pengembalian modal dan mengenai hak memperoleh aset-aset yang berlebihan bila syarikat itu digolong (liquidation). Perbezaannya di antara syer pengurusan dan syer biasa ialah pemegang syer pengurusan mempunyai hak 500 suara bagi tiap-tiap satu syer itu. Di bawah pindaan ini, Perdana Menteri diberi kuasa mengecualikan mana-mana syarikat atau mana-mana kelas syarikat daripada peruntukan ini; ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika sesuatu syarikat dikecualikan maka tidaklah syarikat itu dikehendaki mengadakan dan mengeluarkan syer pengurusan kepada PETRONAS. Pindaan ini diperuntukkan dalam Clause 3 Bill itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya syer pengurusan ini, maka PETRONAS bolehlah mengawasi pengurusan dan perjalanan syarikat-syarikat supaya menentukan polisi-polisi Kerajaan dijalankan terutama sekali polisi-polisi mengenai penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan. PETRONAS juga akan menentukan pembahagian (distribution) petrolium dijalankan dengan sempurna, supaya perbekalan tidak tergendala sebagaimana yang seringkali berlaku sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi jaminan kepada syarikat-syarikat minyak yang ada sekarang, bahawa Kerajaan tidaklah berniat hendak memiliknegerakan (nationalise) syarikat-syarikat itu. Pindaan yang dicadangkan itu ialah salah satu cara untuk mengawal perindustrian minyak dan syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan barang-barang pengeluaran kimia-petrol, supaya rakyat dapat faedah sepenuhnya dari sumber kekayaan negara (natural resources). Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di London semalam atau kelmarin yang memberi jaminan bahawa Kerajaan akan sentiasa bersikap adil dan tidak ada cadangan untuk memiliknegerakan perindustrian petrolium. Oleh itu saya sungguh-sungguh berharap syarikat-syarikat yang berkenaan bekerjasama dengan PETRONAS dalam hal ini dengan mematuhi kehendak undang-undang sebagaimana tercatat dalam

pindaan ini. Jika ada syarikat-syarikat yang tidak mematuhi undang-undang itu maka Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang yang sewajar.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang ketiga ialah mengenai kuasa membuat peraturan-peraturan. Kuasa ini akan diperluaskan untuk membuat peraturan-peraturan mengenai aktiviti-aktiviti pengeluaran (downstream activities), pemasaran dan pembahagian petroliaam dan benda-benda keluaran dari petroliaam, selain daripada aktiviti-aktiviti upstream. Kuasa baharu ini termasuk kuasa mengadakan penalti-penalti kerana melanggar peraturan-peraturan dan kuasa mengadakan rampasan. Pindaan ini diperuntukkan dalam Clause 4 Bill itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain ialah mengenai peruntukan-peruntukan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta itu; menurunkan kuasa-kuasa yang tertentu di bawah Akta itu, tanggungjawab jenayah oleh orang-orang gaji dan agen syarikat dan bidangkuasa mahkamah membicara kes-kes. Saya fikir tidaklah perlu lagi saya menerangkan pindaan-pindaan itu kerana pindaan-pindaan itu telahpun diterangkan dalam Huraian.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan di sini bahawa perkara-perkara lain yang berhubung dengan petroliaam seperti kawalan harga minyak petrol dan minyak tanah dan kekotoran alam sekeliling akibat petroliaam (environmental pollution) tidaklah dibuat dalam Akta ini, kerana perkara-perkara yang tersebut itu telahpun diperuntukkan dalam undang-undang lain seperti Control of Supplies Act, Price Control Act dan Environmental Quality Act.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.27 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang ataupun Akta Kemajuan Petroliaam, 1974 ini pada hemat saya ialah salah satu daripada undang-undang yang sangat kita banggakan, bukan sahaja kerana kita hendak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, tetapi

juga bagi dasar ekonomi negara kita, bukannya sahaja peringkat baru ini kerana bidang petroliaam adalah satu bidang yang amat penting bagi sesebuah negara.

Saya sangat dukacita kerana tidak dapat mengambil bahagian semasa kita membahaskan Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam, 1974 dahulu oleh kerana saya berada di luar negeri, tetapi saya bersyukur kerana dapat pada hari ini memberi sedikit-sebanyak pandangan terhadap Rang Undang-undang ini, khususnya kepada pindaan yang sekarang ini dikemukakan di dalam Dewan kita ini.

Saya tak payahlah bercakap dengan panjang menyuarakan betapa sukacita saya kerana kita mempunyai undang-undang semacam ini. Saya ingat di Dewan yang mulia ini pada 5 tahun yang lepas saya telah menyuarakan kita patut ada satu badan semacam yang telahpun ditubuhkan sekarang ini, iaitu PETRONAS, PETRONAS telah berjalan beberapa ketika dan didapati bahawa perlu dipinda undang-undang ini untuk membaikkan lagi kedudukan PETRONAS. Saya di sini suka membuat sedikit-sebanyak teguran terhadap Rang Undang-undang ini kerana saya sayang kepada PETRONAS—supaya PETRONAS boleh menjaga hak kepentingan negara. Oleh itu, kalau ada teguran-teguran yang saya hendak kemukakan ini saya minta perhatian yang mendalam oleh pihak yang berkenaan supaya kita tidak ditipu atau dimainkan oleh pengeluar-pengeluar minyak di negara kita ini yang semuanya boleh dianggapkan sebagai gergasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi kepada perkara-perkara di bawah Rang Undang-undang ini dan saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya kita tidak ragu-ragu apa yang kita maksudkan di dalam pindaan ini.

Pertamanya, di bawah Fasal 2 (c) iaitu kita menambah satu seksyen-kecil baru (3) yang berbunyi:

“(3) Seksyen-kecil (1) hendaklah dipakai bagi mana-mana urusan mengenai pemasaran atau pembahagian petroliaam atau keluaran-keluaran kimia-petrol;”
Saya tidak payah bacakan hingga habis kerana perkara yang saya hendak utarakan di sini ialah apakah yang dimaksudkan dengan

“pemasaran atau pembahagian petroliam”, Atau dalam bahasa Inggerisnya; “marketing or distributing of petroleum” (pemasaran atau pembahagian petroliam) kerana Fasal ini ada kaitan yang mustahak sekali dengan Fasal 3, Rang Undang-undang ini yang menambahkan satu Seksyen baru iaitu Seksyen 6A, berkenaan dengan syer-syer pengurusan dalam syarikat. Kerana ada kaitan ini rasa saya biarlah kita tahu dengan terang apa yang dimaksudkan.

Dalam tafsiran “pemasaran atau pembahagian petroliam”, siapakah yang kita maksudkan? Adakah kita hanya hadkan kepada kampeni-kampeni besar yang menjalankan umpamanya Esso, Shell, BP, Mobil, Caltex ataupun kita masukkan juga tafsiran itu kepada orang-orang yang menjual minyak seperti kiosk-kiosk yang ada beratus ribu di negara kita ini? Jadi soalan boleh ditanya siapakah yang mempunyai kiosk-kiosk Shell yang ada sekarang ini, adakah orang yang menjalankan itu, syarikat sianu-sianu, atau kepunyaan Shell sendiri? Ini menjadi tandanya kerana ini ada kaitan dengan Fasal 3 iaitu Seksyen 6A, yang baharu ini. Kalau kita salah tafsir apa yang kita maksudkan dengan pemasaran dan pembahagian, barangkali ini menjadi kelam-kabut sedikit. Itulah saya minta penjelasan, kerana saya anggap orang yang menjual petroliam di kiosk-kiosk tempat kita membeli minyak bagi kereta kita, orang itu juga menjual petroliam. Jadi boleh terikat di bawah Seksyen-kecil (3) ini.

Sekarang ini kalau kita tengok pula di bawah Fasal baru yang dikemukakan di sini iaitu Fasal 3 yang mengandungi Seksyen 6A, ini adalah satu perkara yang baru. Di sini, tujuannya ialah hendak mengadakan dua kelas syer iaitu satu kelas biasa yang dipunyai oleh mungkin syarikat minyak itu dan satu lagi dipunyai oleh PETRONAS iaitu yang digelar sekarang ini “Syer pengurusan” atau dalam bahasa Inggeris “Management share”.

Tujuan di bawah Rang Undang-undang ini sudah jelas kerana ia berkata:

“6A. (1) Mana-mana, syarikat yang menjalankan sesuatu urusan yang disebut dalam seksyen-kecil (1) dan (3)”

“ . . . seksyen 6 (kemudian daripada ini disebut syarikat yang berkenaan”) hendaklah—

(a) mempunyai dua klas syer, dinamakan syer pengurusan dan syer biasa; dan

(b) jangan mengeluarkan sesuatu syer pengurusan kecuali kepada Perbadanan.”

Iaitu syer pengurusan itu tidak boleh dimiliki oleh orang lain kecuali PETRONAS. Itu rasa saya sudah jelas tetapi di bawah Fasal kecil (2) pula ada berkata:

“(2) Seberapa segera yang praktik selepas mula berkuatkuasa seksyen ini—”

Itu soalnya “seberapa segera yang praktik”. Jadi kita tidak tetapkan masanya, boleh jadi sebulan, boleh jadi setahun, boleh jadi 10 tahun kerana sungguhpun perkataan atau bahasa yang digunakan, “seberapa segera yang praktik” tetapi kalau tidak praktik, mungkin mengambil masa satu tahun, mungkin mengambil masa 5 tahun. Itu barangkali boleh dimainkan oleh syarikat-syarikat minyak yang besar ini. Jadi bilakah jangkanya? Saya rasa ada baik kita tetapkan. Tetapi saya sangka juga mungkin susah bagi pihak PETRONAS menetapkan masa yang tertentu, umpamanya, setahun atau 6 bulan kerana kalau kita pandang kepada perkara-perkara lain yang terkandung dalam sub-section ini, banyak yang menyusahkan, kerana sudah tentu bila kita hendak membuat satu klas syer yang baharu, kita terpaksa meminda undang-undang tubuh syarikat tadi, iaitu kita terpaksa meminda Memorandum and Articles of Association bagi tiap-tiap syarikat yang terlibat dalam pemasaran atau pembahagian petroliam. Mungkin beratus ribu syarikat terpaksa meminda undang-undang tubuh mereka, kerana hendak memberikan satu jenis syer yang baharu.

Saya sambung dengan bahasa yang digunakan di bawah sub-section (2), Seksyen baru 6A yang mana ada berkata:

“(2) Seberapa segera yang praktik selepas mula berkuatkuasa seksyen ini (a) tiap-tiap syarikat yang berkenaan yang syer-syeranya disebut harga di suatu Pasar Saham dalam Malaysia atau lain-lain tempat. . .”

Kenapa pula kita ambil soalan “lain-lain tempat”? Kerana kita sudah tahu syarikat-syarikat minyak “petroliam” yang menjalankan pemasaran atau pembahagian, kerana yang disebut di Pasar Malaysia memang tidak banyak. Itu kita boleh tahu dan kita juga boleh tahu berapakah harga pasaran bagi syer-syer syarikat-syarikat

yang disebutkan di Pasar Saham di negara kita. Tetapi kalau kita masukkan "atau lain-lain tempat", dimaksudkan syer-syer syarikat yang disebut, umpamanya, lain daripada Malaysia, kalau umpamanya syer yang disebutkan di Pasar Saham New York, adakah syarikat itu juga terpaksa menjualkan syernya itu mengikut kadar harga pasar yang disebutkan oleh New York? Rasa saya ini tidak begitu jelas. Kalau kita maksudkan cuma syarikat yang syernya disebut dalam Pasar Saham Malaysia, kita ambil setakat itu. Tetapi kalau kita hendak tentukan bagi syarikat yang syernya disebut di Pasar Saham luar daripada Malaysia samada di London, New York, Tokyo ataupun di Sydney, itu agak saya, mungkin sulit sedikit. Kalau kita pandang kepada syarikat-syarikat minyak yang bergerak di negara kita ini, kebanyakannya datang daripada Amerika, Esso, Caltex, yang di England dan Belanda, Shell dan BP—mereka ini semua ada tersebut di pasar saham di luar negara. Saya rasa kalau kita hendak mengambil angka ataupun ukuran harga pasaran di Pasar Saham luar negeri, mungkin itu akan membebankan kita sedikit, kerana sub-section (2) ini ada kaitan pula dengan jumlah peratus yang kita suruh syarikat-syarikat itu beri kepada kita, kerana kalau kita baca dia berbunyi:

"(2) Seberapa segera yang praktik selepas mula berkuatkuasa seksyen ini—

(a) tiap-tiap syarikat yang berkenaan yang syer-syernya disebut harga di suatu Pasar Saham dalam Malaysia atau lain-lain tempat hendaklah mengeluarkan bagi bayaran tunai dengan suatu harga yang bersamaan dengan harga pasar syer-syer biasa yang didapati pada tarikh pengeluaran itu; . . ."

"Sesuatu bilangan syer pengurusan yang sama banyak dengan satu peratus atau lebih daripada modalnya yang dikeluarkan dan terkumpul; . . ."

Jadi kita di sini mengatakan kalau syer itu disebutkan di Pasar Saham, kita minta mereka mengeluarkan sekurang-kurangnya 1% daripada modal yang dikeluarkan. Di sini saya tidak berapa terang, saya harap mendapat penjelasan sedikit apa yang dimaksudkan di sini. Maknanya, kalau modal syarikat itu \$100 juta, kita mengatakan kita hendak sekurang-kurangnya 1%, atau di

sini mengatakan atau lebih. Katakanlah modalnya \$100 juta mereka terpaksa mengeluarkan 1 juta syer pengurusan dan harga 1 juta syer itu mengikut harga pasaran. Ini ada berbeza sedikit dengan section 2 (b) berkenaan dengan syer-syer yang tidak disebutkan di Pasar Saham, yang mana Perdana Menteri boleh menetapkan apa dia harga yang patut PETRONAS bayar—itu senang sedikit. Tetapi sub-section (2) yang atas tadi, "(a) . . . bagi syer-syernya disebut harga di Pasar Saham. . ." Saya rasa ini mungkin susah sedikit, kerana kalau syarikat-syarikat itu hendak buat jahat dia boleh mengatakan, baik, dia akan keluar lebih daripada 1%, dia keluarkan 10%. Tetapi daripada perkataan yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini nampaknya bila syarikat itu mengatakan dia hendak keluarkan 10% umpamanya, terpaksa PETRONAS mengambil, kerana perkataan yang digunakan ini "shall issue". Jadi, kita tidak mengatakan kita minta dikeluarkan cuma 1% sahaja. Ini terpulang kepada mereka samada hendak mengeluarkan 1% atau 10%, ini mungkin memberatkan kita sedikit. Saya tidak tahulah apa sebabnya kita pilih cara ini, mungkin ada sebab-sebab yang munasabah, dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi sedikit penjelasan terhadap ini.

Di bawah Fasal 3 juga iaitu berkenaan Seksyen baru 6A, sub-section 6A (5) ini menentukan yang pemegang-pemegang syer pengurusan yang hendak dibagikan kepada PETRONAS ini mestilah berperingkat *pari passu* iaitu mendapat peruntukan sama dengan syer-syer biasa yang lain. Di bawah sub-section ini ada 4 perkara yang saya rasa ini adalah perkara yang baik, maknanya, kalau dia beri syer pengurusan ini, syer ini mestilah bertaraf sama juga dengan syer-syer biasa. Jadi tidak boleh dia mengatakan dividen yang hendak dikeluarkan itu dibagi lebih kepada dia dan sedikit kepada kita. Peruntukan ini saya rasa ada baiknya.

Dan ini, pada hemat saya, memerlukan juga pindaan kepada undang-undang tubuh bagi tiap-tiap syarikat tadi. Ini mungkin mengambil masa seperti saya katakan tadi, bukan senang kita hendak meminda undang-undang tubuh itu terpaksa mereka mengadakan mesyuarat agong luar biasa untuk memindakan. Ini bukan satu dua syarikat bahkan beratus-ratus nanti.

Di bawah sub-section 6A (6) ada disebutkan, apa yang dimaksudkan yunit ataupun nilai tiap-tiap satu syer pengurusan bila kita hendak menggunakan syer itu dari segi hendak memilih atau melantik seorang pengarah ataupun membuang seorang pengarah. Di sini saya nampak kita telah menetapkan 500 undi bagi tiap-tiap satu syer pengurusan. Ada baik jikalau saya baca sub-section kecil ini supaya jelas sedikit apa kita maksudkan:

“(6) Pemegang syer-syer pengurusan sesuatu syarikat yang berkenaan adalah berhak samada dengan undi melalui kertas undi atau dengan mengangkat tangan mendapat lima ratus undi bagi tiap-tiap satu syer pengurusan yang dipegang olehnya mengenai apa-apa ketetapan berhubung dengan perlantikan atau pembuangan seseorang pengarah atau mana-mana ahli staf syarikat yang berkenaan tetapi adalah dalam segala hal lain mempunyai hak mengundi yang sama dengan pemegang syer biasanya.”

Ini cuma bila kita hendak menggunakan kuasa membuang pengarah atau memilih pengarah kita gunakan syer ini, tetapi syer pengurusan kita mengatakan mempunyai 500 undi. Saya minta penjelasan apakah asasnya kita pilih 500 undi, dan tidak pilih 1,000 atau 5,000 undi—apakah asasnya, apakah dasarnya kita bubuh angka 500 itu. Saya harap ini juga dapat sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini dan juga warganegara kita yang cintakan PETRONAS dan cinta dan sayangkan satu perusahaan negara yang kita boleh banggakan, sama-sama kita berdoa supaya PETRONAS dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan baik dan membantu, bukannya sahaja Kerajaan tetapi juga ramai penduduk negara kita, terutamanya warganegara yang akan dapat keuntungan dalam satu industri yang baharu ini.

Di sini saya suka membuat satu syor kepada Kerajaan, terutama sekali kepada PETRONAS untuk mengkaji baik atau buruknya bagi PETRONAS menjadi sekurang-kurangnya Ahli Bersekutu Persatuan Negara-negara Pengekspot Minyak ataupun O.P.E.C. Setahu saya mengikut undang-undang ataupun peraturan O.P.E.C. sekarang ini sesuatu negara itu boleh memohon menjadi ahli atau menjadi ahli bersekutu sekira-

nya negara itu mengeluarkan minyak yang lebih ataupun dalam bahasa Inggeris net exporter. Saya rasa angka kita ada masanya turun dan ada masanya naik. Kita pernah menjadi net exporter, tetapi kalau tidak salah saya pada tahun lepas kita telah menjadi net importer, bukannya net exporter. Tetapi kalau sebenarnya kita menjadi net exporter, maka bolehlah kita melayakkan diri kita jikalau kita suka hendak menjadi anggota O.P.E.C. Salah satu daripada syarat kalau tidak salah saya sebelum kita boleh diterima menjadi anggota O.P.E.C., kita mestilah disokong penuh oleh semua ahli-ahli pengasas (founder members). Kalau tidak salah saya founder members ini kesemuanya ialah negara-negara sahabat. Kesemuanya dari Timur Tengah ataupun Asia Barat, kecuali Venezuela. Venezuela ialah salah satu daripada ahli pengasas (founder member). Kalau ada dua syarat ini, rasa saya kita layak menjadi ahli O.P.E.C. Jadi ada baiknya, dan ada buruknya. Saya tidak tahu. Saya berharap pihak PETRONAS mengkaji dan jikalau ada faedahnya kepada kita menjadi anggota O.P.E.C., eloklah kita membuat permohonan dan saya percaya negara-negara di Asia Barat yang menjadi founder members tentu akan menyokong permohonan kita. Bila saya kaji tawarikh O.P.E.C. saya nampak ada negara-negara yang ditolak, tidak diterima menjadi anggota O.P.E.C. kerana mungkin bertentangan dengan negara-negara besar yang mengeluarkan minyak. Kalau kita menjadi anggota O.P.E.C. walaupun tidak menjadi anggota penuh, sekurang-kurangnya menjadi anggota bersekutu, mungkin kita dapat faedah yang banyak. Kita boleh mendapat maklumat yang boleh membantu kita dari segi industri yang baru ini. Saya berharaplah pihak PETRONAS dan pihak Kerajaan mengkaji dengan mendalam syor saya ini dan jika didapati menasabah, membuat permohonan menjadi ahli.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

5.52 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap sedikit di dalam Rang Undang-undang Akta Kemajuan Petroliam yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukan sahaja saya, tetapi seluruh rakyat negeri Trengganu adalah sangat-sangat bersyukur dan mengalu-alukan Rang Undang-undang ini untuk dikuatkuasakan. Kenapa saya katakan demikian? Negeri Trengganu terkenal selama ini sebagai negeri yang miskin (backward), tetapi barangkali dengan berkat kesabaran rakyatnya, alhamdulillah, sekarang, bayang-bayang kemungkinan telaga minyak akan dijumpai telah makin jelas kelihatan. Jadi sekali lagi saya katakan syukur kepada Allah subhanahu wataala muga-muga dalam masa yang tidak berapa lama lagi negeri Trengganu, yang petang semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan satu negeri yang mundur, insya Allah akan dapat mengejar kalau tidak sama, dekat, dengan negeri-negeri di Pantai Barat. Inilah yang kita harapkan. Saya katakan rakyat negeri Trengganu bersyukur dan bangga atas Rang Undang-undang ini. Memang benar pada mula kita membaca Rang Undang-undang ini ada timbul pertanyaan-pertanyaan sebagaimana yang disebutkan oleh Senator Kamarul Ariffin tadi, tetapi setelah saya menung saya fikir panjang-panjang, nyata yang Rang Undang-undang ini adalah digubal oleh pakar-pakar undang-undang kita dan kemudian ini diberi kuasa pula bukan kepada orang lain, tetapi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Jadi segala was-was ataupun curiga yang nyata terlintas itu hilang sama sekali. Kerana saya percaya dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, insya Allah PETRONAS akan dapat berjalan, mengawasi dan menyebarkan kekayaan negara ini untuk faedah segenap pelusuk tanahair dan pada seluruh rakyat jelata sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, daripada peruntukan-peruntukan dalam Undang-undang ini kita dapat, selain daripada carigali minyak maka akan diadakan kilang-kilang yang akan mengeluarkan bahan-bahan yang boleh disebutkan sebagai by-product nanti. Maka saya harap bila kilang-kilang itu hendak didirikan yang mungkin barangkali ada tawaran akan dibuat kepada syarikat-syarikat bumiputra untuk turut sama menyertainya, maka saya berharaplah benar-benar pengawasan akan dapat dijalankan dengan teliti dan cermat sekali, supaya tidak hanya ikan-ikan besar, orang-orang yang berkedudukan tinggi sahaja yang dapat

duduk di dalam syarikat yang akan ditubuhkan kelak. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi, beliau sendiri, saya junjung tinggi kerana dengan jujur beliau telah mengaku yang beliau salah seorang daripadanya telah terkena, menjadi sebagai pegawai yang duduk di dalam syarikat tetapi tidak mempunyai kuasa. Ini kejujuran yang sangat baik. Dan mungkin dengan kerana itu akan menjadi panduan kepada orang yang akan datang nanti supaya tidak akan berlaku lagi. Cuma satu yang saya minta kepada pihak yang berkuasa ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seboleh-bolehnya ataupun sekurang-kurangnya satu daripada kilang-kilang ini, samada kilang gasnya, ataupun petroliam refinery, hendaklah didirikan di negeri Trengganu. Ini saya minta, kerana Trengganu dan Kuala Lumpur terlampau jauh, jadi kalau tidak didirikan di sana maka lambatlah nikmat itu akan dapat dirasakan oleh rakyat negeri Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS sebagai perbadanan yang terbesar dan mempunyai tanggungjawab yang besar di hadapannya maka tentu sekali menghendaki pegawai-pegawai yang banyak, ahli-ahli pakar yang cukup bagi menjalankan segenap segi pentadbiran di dalam perbadanan ini. Maka saya berharap walaupun sekarang kita mengetahui PETRONAS telahpun mengambil ataupun menghantar rekrut-rekrut, pegawai-pegawai muda untuk berlatih di dalam masalah ini, tetapi saya rasa sebagaimana yang dialami di dalam perkara-perkara yang lain di masa yang lepas, kadang-kadang jangkaan kita itu tidak begitu tepat. Berapa banyak yang kita hantar, bila balik, belum juga mencukupi. Jadi kerana itu hendaklah kita sediakan payung sebelum hujan. Lipat gandakan biarlah berapa banyak belanja sekalipun, hantarkan pegawai-pegawai ini ke negara-negara sahabat atau jiran kita seumpama Indonesia ataupun Timur Tengah ataupun di mana-mana juga negara-negara yang mengeluarkan minyak yang ada di dunia ini. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya petang ini.

5.59 pm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama memberi sokongan yang tidak terhingga tingginya kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini bagi meminda Akta Kemaajuan Petroliam.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak bercakap, dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyebutkan banyak perkara. Satu daripadanya, dia telah menyatakan, bahawa ada suara-suara yang hendak memiliknegerakan perusahaan PETRONAS ini. Saya rasa ini adalah satu suara yang jahat, yang sumbang, yang nakal bagi meragu-ragukan apa-apa juga syarikat-syarikat luar negeri yang akan bersekutu dengan PETRONAS. Saya berharap suara-suara ini akan diperhatikan oleh Kerajaan di masa-masa yang akan datang. Kita tahu bahawa memiliknegerakan minyak itu besar bencananya, sebagaimana telah terjadi di Iran yang telah dibuat oleh Mossadique.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya memberikan sokongan ini saya berasa besar hati bahawa hak yang luas akan diberikan kepada bumiputra dalam perusahaan PETRONAS ini, kerana sebelum daripada ini bumiputra cuma mendengar nikmat minyak ini; keuntungan daripada minyak ini, padahal khazanah-khazanah minyak itu datang daripada negaranya sendiri. Bagi saya tidak apalah kalau Negeri Johor tidak mengeluarkan minyak, tidak seperti Negeri Trengganu, asalkan negeri kita ini menjadi salah sebuah negara pengeluar minyak dalam dunia ini, barulah kekayaan negara ini akan dinikmati oleh orang Johor.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perusahaan minyak ini juga tadi telah diperkatakan oleh Yang Berhormat rakan sejawat saya iaitu Senator Datuk Mansor berhubung dengan tenaga yang mahir dan tenaga yang kurang mahir dan juga kepakaran. Masalah ini kita kena cermat sebab kita sudah menghantar pelatih-pelatih kita keluar negeri bila mana mereka telah mengambil ijazah yang baik, dapat tawaran dari syarikat-syarikat yang lain, mereka lari meninggalkan tugas yang kita harap supaya menolong kita. Ini satu perkara yang kita mesti fikir.

Yang keduanya, institusi yang ada ataupun universiti yang ada dalam negara kita ini patut diberikan peluang kuliah dalam perusahaan PETRONAS ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti kata Yang Berhormat tadi berhubung dengan pengkajian dan menyemak balik berkenaan dengan perniagaan minyak di dalam negara ini dan akan menyusun semula. Saya tengok kiosk atau pam minyak yang ada

dalam tanahair ini hanya 2%—3% yang diusahakan oleh bumiputra. Dengan kajian dan penyelidikan ini segala lesen-lesen yang ada dipunyai oleh orang bukan bumiputra itu diberikan imbalan kepada bumiputra dan juga banyak kawasan-kawasan bandar baru yang kita akan buka supaya diberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputra menjalankan perusahaan itu. Dengan keadaan ini barulah benar-benar sama dinikmati oleh bumiputra bukan sahaja daripada hasil minyak ini, tetapi daripada perusahaannya mereka juga yang sama-sama merasai.

Akhir sekali saya hendak katakan di sini berhubung dengan kilang penapis minyak perlu kita banyakkkan bila mana usaha ini telah dijalankan, sebab kita tidak mahu bila minyak ini telah keluar dari negeri ini, kita akan menjual minyak-minyak mentah ke negara-negara yang besar. Ada setengah-setengah negara cuma mengeluarkan minyak mentah, tetapi minyak itu diproses dalam negeri lain, umpamanya, Negeri Jepun sebuah negeri yang tidak mengeluarkan minyak, tetapi negeri ini boleh memproses minyak dari negara-negara Arab. Perbuatan ini kita kena perhatikan dengan cermat bahawa kilang-kilang penapis minyak ini hendaklah dibanyakkkan dalam negeri ini. Walaupun Singapura sebuah negeri yang kecil, ada kilang penapis minyak tetapi kita di Malaysia ini tidak mempunyai kilang penapis minyak sebanyak itu. Ini satu perkara yang patut diperhatikan oleh Kementerian yang berkenaan.

Selain daripada itu, saya fikir berhubung dengan kilang-kilang yang akan diadakan di sini akan dapat suatu bahan yang boleh dijadikan daripada bahan-bahan minyak ini untuk dijadikan baja bagi kegunaan petani dalam negeri ini. Ini satu benda yang sangat dialu-alukan oleh petani-petani kita pada masa sekarang, kerana masalah baja ini satu perkara yang sangat sukar diperolehi dan harganya mahal. Dengan wujudnya perusahaan ini saya percaya bahawa negeri ini juga akan mengeluarkan baja selain daripada minyak.

6.05 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan kepada pindaan undang-undang ini. Setelah mendengar penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatalah betapa pentingnya pindaan ini

dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Dalam Persidangan Dewan Rakyat nampaknya Rang Undang-undang ini menjadi perbincangan yang panas, dan tidaklah kurang juga kalau di dalam Dewan Negara ini beberapa pandangan dan fikiran-fikiran yang membina ke arah wujudnya sesuatu usaha yang konkrit bagi keuntungan negara dan rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 2 seksyen-kecil (3) mengatakan untuk melarung urusan pemasaran atau pembahagian petrol atau keluaran-keluaran kimia petrol dijalankan oleh mana-mana orang lain daripada PETRONAS kecuali dengan kebenaran oleh Perdana Menteri." Seksyen ini merupakan satu peruntukan yang sebenarnya dapat mengawal kepentingan masa depan negara dan bangsa Malaysia supaya tidak terlepas ke tangan orang lain di mana dengan kemajuan sains dan teknologi sekarang ini telah menjadikan negara kita ini negara yang akan dapat mengeluarkan bahan-bahan petrol pada masa akan datang dan sudah bermula sekarang ini. Dengan adanya peruntukan yang seperti ini akan dapat kita lihat, dan dapat kita rasakan bahawa pembahagian petrol atau keluaran-keluaran kimia-petrol ini pada masa akan datang tidak akan dapat dijalankan oleh mana-mana badan melainkan hanya PETRONAS sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syukur di atas ketinggian ilmu pengetahuan sains dan teknologi sekarang di mana dahulu negara kita ini hanya terkenal dengan negara pengeluaran bijih dan getah sahaja, sekarang masuk kepada peringkat yang baru iaitu dengan kimia-petrol. Berbangkit dengan soal ini kalau sekiranya betul-betul Kerajaan kita hendak menjadikan hasil negara yang baru ini dinikmati oleh negara kita secara langsung oleh bumiputra dan rakyat negara kita ini, maka peruntukan-peruntukan mengawal hendaklah diketatkan. Kita dapat melihat pada satu masa dahulu di Indonesia misalnya, semua penghasilan minyak dipunyai satu syarikat yang monopoli sehingga negara yang begitu kaya, begitu indah, dan begitu banyak penghasilan buminya hanya dapat dilihat oleh rakyat negara itu sendiri, sehingga sampai kepada peringkat di mana syarikat kepunyaan negara itu sendiri seperti PERTAMINA telah mengambilalih semua kegiatan-kegiatan minyak petrol ini sehingga kita dapat melihat di seluruh Indonesia itu

di merata-merata tempat dapat dinikmati oleh bangsa Indonesia daripada hasil bumi negara mereka sendiri.

Begitu juga, Saudi Arabia yang mengeluarkan hasil yang sama yang dahulunya hanya dimonopoli oleh satu golongan kapitalis, tetapi lama-kelamaan kesedaran itu timbul di tengah-tengah masyarakat bangsa Arab yang mengeluarkan hasil yang begitu kaya sehingga ia dapat menentukan nasib dunia ini pada satu masa dengan kekuatan petrol yang ada pada mereka.

Ini semuanya Tuan Yang di-Pertua, dijadikan contoh kepada kita yang harus kita kaji dengan lebih masak dan matang dan mungkin agaknya pada satu masa pindaan-pindaan yang perlu harus dikemukakan di dalam Dewan ini supaya dapat mengawal dengan lebih ketat lagi tentang kedudukan hasil yang baru ini. Kalau kita salah jangka dan salah perjalanan sekarang kita akan rugi dan kita juga akan mengatasi masaalah seperti yang dihadapi oleh negara Iran pada masa Mossadique memerintah di negara itu dahulu yang akhirnya mengakibatkan terbunuhnya Perdana Menteri Mossadique itu.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara yang penting bagi kita, kalau kita hendak merasakan supaya nikmat itu benar-benar dirasakan oleh rakyat di negara kita, perediaan kita sekarang ini dalam pengeluaran hasil petrol kita, bagaimana sudah perediaan kita ke arah itu. Sebab nampaknya pengeluaran ini akan cepat kerana kekuatan machine tidak sama dengan kekuatan otak manusia. Kekuatan teknologi sekarang ini mungkin tidak berapa lama lagi hasil yang akan cepat dapat dihasilkan, tetapi siapa yang hendak mengendalikan itu. Siapa yang sudah bersedia sekarang ini untuk hendak menjalankan kerja-kerja itu. Saya mungkin berasa syak bahawa di dalam kawasan-kawasan pencarian minyak (galian minyak) yang di katakan dalam istilah sotong area ini iaitu dipunyai ataupun dimonopoli sekarang ini oleh beberapa syarikat pencari. Pencari di sana diberikan kepada syarikat ESSO misalnya, Shell supaya mendapatkan hasilnya. Benar atau tidak dapat dikeluarkan hasilnya.

Setelah penghasilan daripada pengkajian yang telah dibuat oleh mereka dengan mengeluarkan belanja yang banyak dapat kita merasakan bahawa benar daripada situ, maka Rang Undang-undang ini menyatakan

bahawa tidak akan ada penjualan atau sebagainya yang dapat dijalankan dengan bersendirian melainkan dengan kebenaran ataupun dengan kehendak PETRONAS sendiri. Jadi oleh kerana itu usaha kita ke arah ini terlalu cepat sehingga kita tidak lama lagi dapat mengeluarkan hasilnya. Tetapi usaha kita di dalam perlaksanaannya sejauh mana telah kita buat, berapa banyak warganegara kita yang specialist dalam bahagian tekniknya dalam urusan petroliaam ini. Berapa banyak orang-orang kita yang pakar di dalam masaalah mengendalikan petroliaam, berapa banyak daripada orang-orang kita yang bersedia dari sekarang menerima pengeluaran itu untuk diproses dan rancangan kita sejauh mana telah kita buat rangka. Berapa banyak pump station PETRONAS yang hendak kita bina di seluruh negara kita. Siapa orang-orang yang hendak kita berikan untuk menjalankan pump station di seluruh negara.

Hal-hal yang seperti ini harus ada disediakan dari sekarang. Kalau tidak maka berlumalah kita bagi warganegara bumiputra yang begini capek, yang begini letih di dalam semua urusan, saya rasa akan ketinggalan kalau sekiranya tidak disediakan daripada sekarang ini juga dan akhirnya akan mendapat menjual minyak tanah sahaja satu dua tin—inilah hasil negara ku yang aku dapat hanya menjual 2 tin minyak tanah keluaran PETRONAS. Ini tidak akan menyenangkan perasaan kita seperti mana sepanjang tanahair kita ini di mana kita kehabisan minyak, kita akan berhenti di satu tempat: ESSO, BP, Shell dan lain-lain lagi, kesemuanya bukan kepunyaan kita, kepunyaan orang luar. Tetapi oleh kerana itu kita harap PETRONAS di samping Shell, ESSO, BP, Caltex, ada PETRONAS, ada di sana kiosk orang-orang kita, bangsa kita, warganegara kita, khususnya bagi orang-orang seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, membolehkan bumiputra mengambil bahagian yang lebih active di dalam bidang yang baru ini. Kalau persediaan-persediaan itu tidak kita sediakan daripada sekarang, kita hanya akan dapat melihat sahaja keindahan, kekayaan, kesenangan negara, sedangkan yang dikecap oleh mata yang memandang ini tidak seperti orang yang menikmati apa yang dikeluarkan oleh negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan syarat-syarat yang telah disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini, saya meletakkan kepercayaan saya bahawa Perdana Menteri yang telah diberikan hak yang telah ditentukan oleh Rang Undang-undang ini seperti syarat-syarat memberikan sesuatu kebenaran hanya ada kepada Perdana Menteri kita yang kita kenal sebagai Perdana Menteri yang benar-benar berjiwa rakyat hendak membela, hendak memimpin rakyat akan dapat mengisi kekosongan yang saya sebutkan tadi, dan bidang baru ini adalah bidang yang baru kita hendak belajar kenal daripadanya.

Saya berasa mustahak daripada sekarang ini di universiti kita diadakan satu faculty yang khusus untuk petroliaam ini dan pengeluaran mahasiswa daripadanya khusus mengenai dengan petroliaam. Kalau sekiranya pusat pengajian tinggi atau universiti kita belum mampu untuk mengadakan faculty yang khusus kerana petroliaam, saya rasa tidak ada kerumitannya kalau sekiranya kita menghantar mahasiswa kita belajar ke Indonesia dan Timur Tengah di mana ada teknologi petroliaam di universiti-universiti mereka itu atau di mana-mana negara sekalipun supaya dapat melabirkan technician kita, melahirkan ahli-ahli pakar daripada peringkat yang setinggi-tingginya sampailah ke peringkat se bawah-bawahnya. Janganlah nanti sampai pada satu masa bumiputra ini hanya dapat menjadi driver kepada satu tangki lori untuk membawa minyak PETRONAS. Janganlah hanya ada nanti orang bumiputra hanya tukang angkut tong-tong kosong daripada satu depot ke dalam satu lori yang masih kosong, hanya itulah sahaja peruntukan yang diberi kepada bumiputra. Janganlah ada nanti kita melihat bumiputra hanya menjadi jaga di dalam satu industri petroliaam yang besar, di dalam satu kilang penapis minyak. Kita bermegah kerana itu adalah kepunyaan kita, tetapi kita melihat ke dalam orang-orang bumiputra hanya memegang senapang patah, menjaga kalau ada orang yang hendak mengkhianati dan tidak lebih daripada itu. Kita tidak mahu melihat kejadian yang seperti ini. Sudah cukup, Tuan Yang di-Pertua, dengan banyaknya kilang-kilang di negara kita ini, sudah banyak laongan, sudah banyak cakap, sudah banyak tuntutan-tuntutan yang dituntut oleh bumiputra supaya mendapat hak bukan sahaja

sebagai hamba, kuli, bukan sahaja sebagai buruh kasar, tetapi sebagai pentadbir di sebuah kilang. Tetapi oleh kerana kilang-kilang itu tidak dipunyai oleh kita, maka Menteri yang berkenaan, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat pun tidak ada kuasa masuk terus ke dalam kilang-kilang itu untuk diletakkan bumiputra itu di sana, maka terserahlah katanya, kepada perundingan di antara tuan-tuan dengan majikan. Mestilah ada perhubungan yang baik, muhibbah supaya tidak timbul kekacauan. Itu sahaja yang dapat dibuat oleh Menteri kita, oleh pegawai-pegawai—itu sahaja. Nasihatkan orang-orang ini jangan bergaduh-gaduh, terimalah apa yang patut diterima, itu sahaja yang dapat.

Kemudian kita adakan badan perundingan, kalau ada hendak mogok, tolonglah beri lebih satu dua sen, berhentilah mereka daripada mogok. Jangan hanya itu fungsi sahaja yang dijalankan oleh kita. Ini disebabkan oleh kerana pada masa kita hendak membuat beberapa rancangan itu barangkali tidak timbul di kepala kita keadaan yang seperti ini akan berlaku atau pada saat itu kita hanya memikirkan otak orang-orang Melayu, otak bumiputra pada masa sebelum perang dahulu, kalau sudah menjadi mata-mata keretapi pun cukuplah dengan tarbusnya 4 kaki tinggi, cukup hanya dengan \$15 sahaja sebulan. Cukuplah menjadi mata-mata biasa, cukuplah menjadi mata-mata kayu, kata orang. Tetapi fikiran ini sudah berubah sesudah perang dunia kedua bahawa fikiran orang-orang Melayu sudah banyak berubah. Mereka tidak mahu menjadi jaga lagi, semuanya hendak menjadi pegawai dan hendak menjadi pegawai pentadbir. Kalau sekiranya pegawai pentadbir itu ada kelayakan bagi orang-orang Melayu, tetapi tekanan-tekanan jiwa yang ada padanya menyebabkan dia lari daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Hal yang seperti inilah yang harus difikirkan oleh PETRONAS supaya tidak timbul masalah ini. Biarlah orang-orang kita yang bekerja di dalam PETRONAS itu nanti merasakan bahawa walaupun aku ini mendapat gaji yang tidak lumayan, tetapi aku bekerja kerana aku sendiri. Dalam kilang aku sendiri, hak kepunyaan aku sendiri. Perasaan inilah yang harus ditanamkan daripada persediaan yang harus ada kita buat mulai daripada sekarang ini.

Saya memandang Rang Undang-undang ini adalah Rang Undang-undang yang sangat baik dan tiada siapa yang mengatakan tidak baik, hanya orang-orang parti Pembangkang di dalam Dewan Rakyat sahaja yang telah menggesa supaya dijadikan hak petroliam ini hak negara. Tujuan politik yang ada di sebaliknya iaitu supaya orang-orang daripada luar negeri takut datang ke Malaysia ini kerana sudah mula negeri ini hendak mengnasionalisasikan hak-hak orang yang lain. Ini hanya politik yang dimainkan oleh pihak Pembangkang di dalam Dewan Rakyat sehingga dinafikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di London kelmarin bahawa tujuan kita yang sebenarnya bukan mengambil hak orang tetapi hendak menjalankan sesuatu usaha dengan seadil-adilnya, untuk bangsa dan negara di Malaysia kita ini. Tidak ada timbul nasionalisasi tetapi yang timbul bagaimana bangsa Malaysia terutama bumiputra mendapat nikmat daripada bumi yang dianugerahkan Tuhan kepadanya. Bagaimana dia boleh menikmati ini dan untuk mencapai tujuan ini Kerajaan bertanggungjawab memberikan hak mereka melalui undang-undang, melalui peraturan-peraturan, melalui demokrasi, melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dengan harapan inilah kita menyokong Rang Undang-undang ini dengan harapan yang tinggi supaya kita tidak akan dapat melihat dengan mata yang putih sahaja kepada kejayaan negara kita tetapi kita menikmatinya dengan sesungguhnya hasil daripada keadilan dan kebijaksanaan pemimpin negara kita.

6.22 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong bersama-sama Rang Undang-undang ini dan syukur alhamdulillah oleh kerana negeri kita ini telah diberi oleh Tuhan hasil minyak dengan sebab itu kita mengadakan pula Rang Undang-undang ini.

Saya tidak hendak bercakap panjang berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, sebab PETRONAS adalah satu badan baru. Maka tentu sekali, saya fikir minyak adalah benda baru dalam negeri kita dan tentulah teknologi-teknologinya atau teknik untuk mencari minyak dan juga untuk mendapatkan minyak akan berkurangan pendapatan kita.

Kita mestilah ingat oleh kerana kompeni atau syarikat-syarikat asing apabila dia memboring minyak kos memboring minyak ini akan dinaikkannya ke atas oleh kerana ini akan dituntut kemudian hari, katanya satu lubang harganya begini banyak maka begini pula ongkos-ongkos untuk perbelanjaannya. Ini mestilah kita tengok baik-baik kalau tidak kita akan tertipu oleh syarikat-syarikat asing ini.

Keduanya, management. Perkara management ini ialah satu perkara yang cukup baru kepada kita. Maka dengan sebab itu management petroliam ini adalah berlainan daripada syarikat-syarikat yang lain. Kita juga mestilah mengadakan management yang betul supaya PETRONAS tidak mendapat kerugian seperti di tempat-tempat yang lain. Negeri kita ini memang kaya dengan getahnya, bijih timah, oil palm dan sebagainya dan juga di negeri-negeri yang lain ada juga minyak yang lebih banyak daripada negeri kita, tetapi sayang sekali ada negeri-negeri yang mempunyai lebih banyak minyak dan petroliam ini rakyatnya miskin dan tidak dapat menikmati kekayaan negara. Saya percaya Rang Undang-undang ini dibuat oleh kerana tujuannya begini, samada dia Melayu atau siapa sahaja yang telah menjadi warganegara negeri ini maka kekayaannya, pendapatan daripada minyak ini akan dinikmati oleh semua bangsa, semua warganegara dalam negeri ini untuk pembinaan dan pembangunan. Pembinaan dan pembangunan juga kemewahan-kemewahan di negara ini akan tercapai. Degan sebab itu maka saya dengan sebenar-benarnya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

Berkenaan dengan saham, seperti mana sahabat saya tadi mengatakan saham ini ada dua jenis iaitu saham management dan saham pasar (open market). Saya ragu-ragu sedikit dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab iaitu berkenaan dengan saham-saham ini adakah saham ini apabila dijual di pasaran dunia samada di New York, Kuala Lumpur atau di London atau mana-mana, saham-saham ini tentulah saham yang dilakukan di pasaran itu, tentulah orang beli, orang lain beli, bangsa asing beli, bangsa Inggeris beli, Shell beli, Esso beli. Dan akhirnya berapa mahal pun dia boleh beli. Kalau dapat dibelinya saya tidak tahu berapa peruntukan management shares kita ini adakah

5% ataupun 51% atau 70%, tetapi jikalau open market shares ini boleh dibeli oleh orang berapa mahal sekali pun, biar pun apa sahaja controlling power ini akan dipegang oleh orang lain. Jadi saya tidak ragu-ragu tetapi tentulah ada kawalan-kawalan seperti ini yang akan diperketatkan oleh Kerajaan supaya pada satu hari kelak tidak diambil alih oleh syarikat-syarikat asing.

Selain daripada itu, di dalam Rang Undang-undang ini juga ada menyatakan segala perkakas-perkakas untuk mendapatkan minyak dan sebagainya ini mestilah dibuat oleh PETRONAS. Dengan sebab itu, saya berharap Kerajaan mestilah memerhatikan supaya kalau boleh dijalankan oleh badan-badan selain daripada PETRONAS dan kalau ia tidak boleh buat, maka hendaklah dijalankan oleh UDA misalnya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa telah cukup. Sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak menyambong ucapannya, bolehlah disambung esok.

PENANGGUHAN

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tok Panku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

PERTANIAN MODEN BAGI WANITA-WANITA

6.30 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana pada petang ini sekali lagi saya dapat peluang berucap dalam Ucapan Tangguhan ini.

Pada petang ini saya tujukan Ucapan Tangguhan saya ini kepada Kementerian Pertanian. Di Pantai Timur khususnya di Negeri Trengganu pekerjaan bercucuk tanam kebanyakannya dilakukan oleh wanita-wanita, baik bertanam padi mahu pun bertanam sayur-sayuran. Mereka itu, apa yang ingin saya perkatakan di sini iaitu cara penggunaan yang digunakan masih menggunakan cara lama. Jadi tentang hasilnya tentulah tidak begitu memuaskan untuk melaksanakan

Rancangan Buku Hijau. Saya mengesyurkan kepada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar supaya mengadakan kursus-kursus kepada wanita-wanita di Pusat-pusat Pertanian mengenai cara-cara pertanian moden. Sekian, terima kasih.

6.32 *ptg.*

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas perhatian Ahli Yang Berhormat berhubung dengan soal kursus pertanian moden kepada wanita-wanita di Negeri Trengganu. Sebenarnya latihan kepada petani-petani termasuk juga kaum wanita telahpun diadakan di tiap-tiap negeri di Pusat-pusat Latihan Pertanian dan juga di Yunit-yunit Pertanian Kecil. Memberi latihan-latihan pertanian ini adalah perkara Kerajaan Negeri melalui Jabatan-jabatan Pertanian masing-masing. Kementerian Pertanian hanya menentukan dasar latihan yang akan dijalankan oleh Jabatan-jabatan Pertanian Negeri. Sehingga ini ada 18 Pusat Latihan Pertanian di seluruh Malaysia. Kursus-kursus yang dijalankan di pusat-pusat ini memakan masa di antara 3 minggu hingga 6 bulan dan menitik-beratkan aspek-aspek yang tertentu di dalam bidang pertanian dan bertujuan menambah pengetahuan

dan kemahiran petani-petani supaya dapat mempraktikkan ilmu pengetahuan dan teknik baru di dalam perusahaan pertanian di negeri ini. Di Negeri Trengganu sahaja dalam tahun 1974 sebanyak dua kursus untuk wanita telah diadakan di Pusat-pusat Latihan Pertanian dimana seramai 30 orang telah menghadiri kursus tersebut. Selain daripada kursus di atas kursus harian telah diadakan di Trengganu di kampung-kampung untuk kaum wanita dan seramai 150 peserta telah mengambil bahagian di dalam kursus tersebut.

Latihan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian di bawah Kementerian saya ialah melatih bakal-bakal juruteknik pertanian di Institiut-institiut Pertanian. Sehingga ini ada 5 institiut yang sedang berjalan. Sebuah institiut di daerah Besut, Trengganu sedang dibina dan dijangka akan siap menjalankan kursus pada pertengahan tahun 1976. Jadi oleh yang demikian, di atas perkara ini adalah sesuai dengan kehendak daripada pihak Kementerian saya dan saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 17hb April, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.